

# Sejarah, perkembangan ekonomi dan hubungan antarabangsa Kedah Tua dari kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi

*History, economic development and international relations of Kedah Tua from the 2nd to 14th century AD*

**Zuliskandar Ramli<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Emel: [ziskandar@ukm.edu.my](mailto:ziskandar@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat kepada perkembangan kronologi sejarah, ekonomi dan hubungan antarabangsa yang berlaku dalam kerajaan Melayu Kedah Tua dari kurun ke-2 hingga ke-14 Masihi. Pendekatan yang diambil untuk berhujah adalah dengan menggunakan sumber bertulis asing sama ada dari Arab-Parsi, China dan India serta data-data arkeologi yang dijumpai hasil penyelidikan yang bermula sejak 1840-an oleh Lef. Kolonel James Low. Data arkeologi berkenaan dengan Kedah Tua diinterpretasi berdasarkan kepada jumpaan artifak, ekofak dan juga features. Antara artifak yang penting ialah inskripsi yang mana dihasilkan ketika pemerintahan Dinasti Chola, selain monumen berupa candi berunsur agama Buddha dan Hindu telah menunjukkan kepentingan Kedah Tua dalam lanskap sejarah sebelum abad ke-14 Masihi. Kekuatan ekonomi kerajaan Melayu Kedah Tua juga didapati berkembang sejak zaman akhir prasejarah lagi dengan berkembangnya industri pembuatan tembikar tanah dan juga peleburan besi di Sungai Mas dan juga di Sungai Batu. Industri pembuatan manik kaca Indo-Pasifik juga berkembang ketika zaman protosejarah di samping kepakaran dalam ilmu senibina candi dan pembuatan bata.

## KATA KUNCI

Kedah Tua, Kataha, Kadaram, Chieh Cha, Kalah-bar, arkeologi protosejarah

Received: Aug 10, 2020

Accepted: Sept 05, 2020

Published: Oct 16, 2020

**ABSTRACT**

*This paper aims to highlight the transition of Kedah Tua's cultural and historical chronology from 2<sup>nd</sup> Century AD until 14<sup>th</sup> Century AD. The approach taken for the arguments were based on foreign written sources either from Arab-Persian, Chinese and Indian besides archaeological findings since 1840s pioneered by Lieutenant Colonel James Low. Archaeological data related to Kedah Tua were interpreted based on artifacts, ecofacts and features. Among the important artifacts is the inscription which was produced during the reign of the Chola Dynasty, and remains of monuments in the form of Buddhist and Hindu temples and also the diversity of local and foreign ceramics found in Kedah have also shown the importance of Old Kedah in the historical landscape before the 14th century AD. The economy strength of Old Kedah Kingdom was development and expanded since prehistoric era based on the potteries and iron smelting industry located in Sungai Mas and Sungai Batu. Indo-Pasific glass beads industry was also been developed and flourish during protohistoric era as well as expertise in temple construction and brick manufacturing.*

**KEYWORD**

*Kedah Tua, Kataha, Kadaram, Chieh Cha, Kalah-bar, protohistory archaeology*

**1.0 Pendahuluan**

Sumber bertulis dari China telah memberi sedikit petunjuk tentang kewujudan kerajaan awal di Alam Melayu yang telah mencapai satu tahap tamadun yang lebih tinggi dan muncul antara abad pertama hingga abad ke-2 Masihi. Antara yang termasyhur dan hebat adalah kerajaan Funan di Lembah Sungai Mekong, selatan Kemboja, Campa yang terletak di sepanjang pesisir Vietnam dan Langkasuka di selatan Thailand atau lebih tepat lagi di Pattani. Kebanyakan kerajaan awal ini bukan wujud secara tiba-tiba, tetapi proses evolusi yang berlaku sejak zaman prasejarah lagi yang mana masyarakatnya hidup secara separa nomad yang bersifat *agalitarisme* atau masyarakat tani yang dipimpin oleh ketua puak yang berkaliber, berkebolehan dan berkharisma tinggi. Kedudukan ketua puak ini adalah berdasarkan kepada penghormatan yang diterima daripada anak buahnya atau kumpulannya dan bukannya diwarisi.

Status ini tidak dapat diwariskan dan untuk menyaksikan simbol status itu, maka alat regalia yang melambangkan simbol status seseorang perlu ada dan contoh boleh dilihat daripada kebudayaan Dongson yang mana alat regalia berbentuk gendang dan loceng yang diperbuat daripada gangsa. Maka dengan itu, sejak akhir zaman prasejarah terutamanya sewaktu zaman logam sudah wujud ciri-ciri perkembangan ekonomi dan inovasi dalam meningkatkan taraf sosial sesuatu masyarakat. Dalam konteks kerajaan Melayu Kedah Tua, proses yang sama juga berlaku yang mana aktiviti perdagangan dan inovasi dalam mencipta sudah pun berlaku sejak zaman prasejarah lagi. Berdasarkan sumber dari India, sudah wujud pelabuhan-pelabuhan pembekal di Kedah Tua sejak abad ke-2 Masihi lagi. Walau bagaimanapun, dalam konteks sebuah kerajaan yang mengguna-pakai gelaran raja sebagai hierarki yang paling tinggi dalam sistem sosial masyarakat hanya berlaku pada abad ke-5 Masihi berdasarkan kepada tinggalan candi terutamanya candi yang dibina khas untuk kegunaan raja atau dikhususkan untuk raja iaitu Candi Sungai Mas (Tapak 32/34).

Di Candi Sungai Mas ini, ahli arkeologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah menemukan sebuah makara yang selalunya binaan candi yang mempunyai makara ini sama ada jumpaannya di Sumatera atau di Jawa adalah sebuah candi yang penting dan dikaitkan dengan raja yang memerintah. Sebelum abad ke-5, Kedah Tua masih lagi dipimpin oleh seorang *chieftain* atau ketua puak dan jika mengguna-pakai gelaran ketika era kerajaan Srivijaya, ketua puak ini bergelar para *datu*. Berkemungkinan besar

pada masa ini sedang berlaku evolusi budaya setempat yang mana amalan animisme sebelum ini sedang disesuaikan dengan agama Buddha yang dipinjam dari India Selatan.

Walaupun wujud polemik berterusan sama ada Kedah Tua itu Langkasuka atau Langkasuka itu Kedah, data arkeologi dan sumber bertulis asing membuktikan kewujudan kedua-dua kerajaan ini tetapi lokasinya terletak jauh antara satu sama lain, Kedah Tua di pantai barat Semenanjung Melayu manakala Langkasuka terletak di pantai timur Semenanjung Melayu. Walau bagaimanapun, kedua-dua kota ini boleh dihubungi dengan menggunakan laluan yang dinamakan "trans-peninsula route" yang dihubungkan melalui Sungai Muda dan Sungai Petani. Kedah Tua merupakan satu kerajaan yang luas yang mana dari sudut geografinya merangkumi kawasan dari Takuapa di utara sehingga Kuala Selinsing, Matang, Perak di sebelah selatan. Manakala Lembah Bujang merupakan sebuah terminologi moden yang diperkenalkan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 1970-an untuk merujuk kepada kawasan tempat berkembangnya pelabuhan Kedah Tua. Ia merangkumi kawasan dari Sungai Sala di Utara, Gunung Jerai, Lembah Sungai Merbok dan Sungai Muda hingga ke Cherok Tokkun. Istilah Lembah Bujang sebenarnya merujuk kepada tinggalan arkeologi berupa candi, kepelbagaian jenis seramik, arca agama dan inskripsi yang ditemui di sepanjang Sungai Bujang sebelum tahun 1980-an.

Penemuan tapak di Kampung Sungai Mas pada tahun 1979 akibat daripada kerja-kerja pembinaan tali air telah mendedahkan kepentingan Kampung Sungai Mas sebagai salah satu tapak penting ketika Zaman Protosejarah. Dengan jumpaan itu, terdapat dua kawasan utama yang menunjukkan bukti penempatan masyarakat di Kedah Tua iaitu di Lembah Merbok dan Lembah Muda. Lembangan Sungai Merbok dan Sungai Muda ini dihubungi oleh beberapa anak sungai yang mana terdapat penemuan tinggalan candi di sungai-sungai ini yang menunjukkan wujudnya penempatan manusia pada Zaman Protosejarah. Anak-anak sungai yang menghubungkan sungai utama terutamanya Sungai Merbok mempunyai bukti fizikal wujudnya penempatan sejak abad sebelum Masihi lagi walaupun datanya diragui dari segi pentarikhan kronometriknya. Walau bagaimanapun, penempatan Zaman Prasejarah dipercayai wujud kerana data arkeologi di Guar Kepah menunjukkan bahawa penempatan masyarakat Hoabinhian dan Neolitik di kawasan itu sudah pun wujud sejak 5000 hingga 6000 tahun yang lalu.

Maka dengan itu kelangsungan masyarakat yang berevolusi dari kebudayaan prasejarah ini tidak mustahil dijumpai terutamanya di kawasan lembangan Sungai Muda yang menjadi nadi utama sebagai jalan perhubungan, penempatan dan kawasan yang kaya dengan sumber makanan. Sungai Bujang, Sungai Merbok Kechil, Sungai Terus dan Sungai Batu mempunyai kawasan tinggalan arkeologi berupa candi dan artifak dan ini secara tidak langsung menunjukkan adanya penempatan sejak abad ke-2 Masihi lagi. Kajian yang bersifat arkeologi pertama kali dilakukan oleh Left. Kolonel James Low pada tahun 1824, dan sepanjang 170 tahun kajian dan temuan arkeologi di Lembah Merbok dan Lembah Muda telah menemukan beberapa penempatan utama yang mana penempatan ini dikaitkan dengan kemakmuran dan kegemilangan politik dan kerajaan Kedah Tua antara abad ke-2 hingga 14 Masihi.

## 2.0 Kedah Tua Dalam Catatan Sumber Asing

Catatan sumber asing yang berasal dari Arab-Parsi, China dan India banyak menceritakan tentang politik dan kerajaan Kedah Tua. Sumber bertulis India didapati lebih banyak berbanding dengan sumber bertulis lain dan ini berkait rapat dengan kepentingan Kedah Tua kepada para pedagang dan pengembara India. Kedatangan pengembara India ke Nusantara telah bermula sejak zaman Sebelum Masihi lagi. Pada ketika itu, masyarakat di Kepulauan Melayu masih berada pada Zaman Neolitik Akhir atau zaman awal perkembangan maritim. Dalam sumber Tamil, Kedah Tua dikenali sebagai Kalagam, Kidaram atau Kidara manakala sumber berbahasa Sankrit adalah Kataha. Sumber China menyebut Kedah Tua sebagai Chieh-cha manakala sumber Arab-Parsi sebagai Kalah atau Kalah-bar.

Syair-syair Tamil yang menyebut mengenai Kedah Tua terdiri daripada Pattinappalai dan Sillappadikaram. Kedua-dua syair Tamil tersebut secara keseluruhannya menceritakan tentang perkembangan kerajaan-kerajaan India Selatan pada zaman awal perkembangannya. Rekod mengenai Kedah Tua dalam sumber-sumber sastra Tamil tersebut membuktikan hubungan rapat yang wujud antara Kedah Tua dengan India Selatan.

Sillappadikaram yang bermaksud “puisi gelang lengan” merupakan salah sebuah dari lima penulisan epik Tamil yang boleh ditarik pada penghujung Zaman Sanggam. Walaupun wujud banyak perdebatan mengenai tarikh sebenar karya ini dihasilkan, tarikh dari kurun ke-2 hingga ke-3 Masihi yang dicadangkan oleh Nilakanta Sastri diterima bagi skop kajian tesis ini (Zvelebil 1973: 175-176). Penulisan tersebut telah dikarang oleh Ilanjovattikal iaitu salah seorang putera dari Kerajaan Chera (Zvelebil 1975: 112-113). Penulisan Sillappadikaram terdiri daripada tiga episod utama yang menceritakan tentang tiga kerajaan utama di India Selatan iaitu Chola, Chera dan Pandya. Latar belakang cerita dalam karya tersebut merupakan kota Puhar (pinggir pantai), Madurai (tanah subur) dan Vanchi (pergunungan), masing-masing merupakan ibu kota Chola, Chera dan Pandya. Penulisan Sillappadikaram memiliki pengaruh agama Siva, Vishnu, Buddha dan Jain.

Sillappadikaram menceritakan mengenai liku-liku kehidupan suami isteri iaitu Kovalan dan Kannaki yang memiliki tema kesetiaan dan pengorbanan seorang isteri (Zvelebil 1973: 177-183). Cerita tersebut memberi gambaran mengenai mengenai cara hidup masyarakat Tamil pada Zaman Sanggam yang melibatkan keadaan kota dan bentuk kepercayaan mereka. Penulisan Sillappadikaram turut menyentuh mengenai kepentingan kawasan Kepulauan Melayu sebagai kawasan yang memiliki hubungan dagang dengan India Selatan. Dalam Sillappadikaram, dikatakan bahawa kapal dari Tondi yang membawa kayu aloe, sutera, kayu cendana, rempah dan kapur barus telah sampai ke kota Madurai di kerajaan Pandya (Braddell 1989: 346). Nilakanta Sastri berpendapat bahawa pelabuhan Tondi terletak di sekitar Semenanjung Tanah Melayu.

Berdasarkan kepada ulasan semula terhadap karya Sillappadikaram pada kurun ke-14 Masihi, kapal-kapal dari Tondi yang datang ke Madurai telah turut membawa rempah ratus seperti bunga cengkih, lada hitam dan kayu aloe. Kayu aloe yang sampai ke Madurai disebut sebagai Kidaravan, yang menunjukkan bahawa kayu tersebut berasal dari Kidaram atau Kedah Tua (Braddell 1989: 347). Catatan dalam Sillappadikaram tersebut menunjukkan bahawa telah wujud hubungan dagang antara Kadaram dan Madurai. Di samping penulisan Sillappadikaram, penulisan Pattinappalai merupakan salah satu sastra Zaman Sanggam yang turut memberi gambaran mengenai Kedah Tua. Pattinappalai yang bermaksud “bunga kota pelabuhan” dihasilkan oleh Uruttirangannanar sekitar tahun 190 hingga 200 Masihi (Zvelebil 1973: 57).

Dalam salah satu baris puisi Pattinappalai, wujud satu ayat yang menyatakan bahawa “barang-barangan dari Kazhagam” telah diperdagangkan di pelabuhan Puhar atau Kaveripattinam (Nilakanta 1975: 82). Kazhagam boleh disamakan dengan Kadaram, yang merujuk kepada Kedah Tua. Perkataan Kazhagam dalam karya tersebut berkemungkinan berasal dari kata dasar kzh- yang dalam bahasa Tamil Purba bermaksud besi. Oleh yang demikian, “barang-barangan dari Kazhagam” kemungkinan besar merujuk kepada komoditi besi. Penulisan Pattinappalai yang menyatakan bahawa komoditi dari Kedah Tua diperdagangkan di Kaveripattinam menunjukkan bahawa wujudnya hubungan dagang antara Kedah Tua dan kerajaan Chola pada ketika itu. Di samping penulisan-penulisan Tamil dari Zaman Sanggam, wujud juga syair Tamil yang menyebut mengenai Kedah Tua yang ditarik selepas Zaman Sanggam. Penulisan tersebut merupakan penulisan Parun̄kathai yang boleh ditarik pada kurun ke-10 Masihi (Sachithanatham 2010: 1-4).

Penulisan tersebut menyatakan bahawa Kaṭāraṭhthu irumpu yang bermakna “besi dari Kaṭāram” (Kedah Tua) merupakan salah satu bahan yang digunakan untuk membuat kereta kuda Puteri Vācavathaththai. Sumber penulisan Sanskrit yang menceritakan mengenai Kedah Tua terdiri daripada penulisan Kathasaritsagara dan Kaumudimahotsava. Kedua-dua penulisan tersebut merupakan karya-karya sastera sejarah yang tidak semestinya mewakili perkara sebenar, kerana fungsi utama karya sastera bukanlah untuk menceritakan hakikat sebenar melainkan untuk tujuan seni. Walau bagaimanapun, karya-karya tersebut masih mampu menyumbang terhadap pengetahuan mengenai Kedah Tua. Hal ini kerana karya-karya sastera tersebut mewakili persepsi dan pandangan orang-orang India terhadap kepentingan Kedah Tua. Karya Kathasaritsagara merupakan sebuah himpunan karya-karya yang ditulis dalam Bahasa Sanskrit yang bermaksud “lautan cerita-cerita”. Kathasaritsagara telah ditulis antara kurun ke-8 hingga ke-11 Masihi.

Dalam karya tersebut, telah jelas dipaparkan bahawa penulis telah menggunakan pengetahuannya tentang pelabuhan-pelabuhan yang wujud di Nusantara pada ketika itu untuk melengkapkan ceritanya. Berdasarkan karya ini, Kedah Tua telah disebut sebagai Kataha Dvipa. Telah dinyatakan bahawa Kedah Tua merupakan sebuah pelabuhan yang amat kaya dan benar-benar wujud. Dalam karya Kathasaritsagara, pelabuhan Kedah Tua telah digunakan sebagai salah satu latar belakang tempat untuk cerita epik tersebut. Tiga buah cerita telah menyebut tentang pelabuhan Kedah Tua dalam himpunan karya-karya tersebut. Cerita-cerita tersebut termasuklah kisah Guhasena, Chandrasvamin, dan juga kisah Dua Puteri. Dalam kisah Guhasena, kota Tamralipti yang terletak di sekitar utara Teluk Bengal memiliki hubungan pelayaran dengan pelabuhan Kedah Tua. Dalam kisah Dua Puteri pula, telah dinyatakan bahawa Kedah Tua telah diperintah oleh Gunasagara yang disebut sebagai “Raja sebuah negeri yang bernama Kataha, tempat yang penuh dengan kebahagiaan” (Braddell 1989: 345).

Karya Kaumudimahotsava merupakan sebuah drama Sanskrit ditulis pada kurun ke-8 Masihi oleh Vijjaka. Dalam penulisan ini, Kedah Tua disebut sebagai Katahanagara. Dalam teks tersebut, jelas dinyatakan bahawa Kedah Tua merupakan sebuah bandar yang terkenal dan dilawati oleh para pedagang dari India secara berterusan. Pelabuhan Kataha dikatakan dihubungkan terus ke India kemungkinan ke Tamralipti. Juga disebut bahawa pelabuhan Katahanagara sebagai sebuah kota dengan penduduknya mempunyai kehidupan yang bahagia. Di samping itu, Kedah Tua turut disebut dalam penulisan Purana dan juga sastera Prakrit. Dalam penulisan Prakrit, Kedah Tua disebut sebagai Kadahadipa, iaitu sebuah pelabuhan yang terletak di seberang laut dan dihubungkan dengan pelabuhan Tamralipti. Dalam penulisan Agni Purana, telah disebut tentang satu puncak gunung yang dikenali sebagai Anda Kataha. Kesemua penulisan-penulisan Sanskrit dan Prakrit tersebut dapat dipertarikhkan selepas kurun ke-7 Masihi (Braddell 1989: 344).

Penerangan yang paling penting datang daripada sumber China tentang Semenanjung Tanah Melayu ditulis oleh I-Ching seorang sami Buddha yang berlayar dari China ke Śrīvijaya di Sumatera pada 671 AD (Wheatley 1961: 42). Beliau tinggal di sana selama enam bulan untuk belajar tatabahasa Sanskrit, sebelum raja Śrīvijaya menghantarnya ke Moloyu (Jambi) untuk tinggal selama dua bulan, dan kemudiannya ke Chieh-cha (Kedah). Pada awal tahun 673, ketika angin monsun timur laut sudah mulai bertiup, I-Ching memulakan pelayaran melalui Teluk Benggala ke India. Dalam pelayarannya, beliau mencatatkan bahawa selepas 10 hari belayar dari Kedah, beliau tiba di *Kingdom of the Naked People* (Kepulauan Nicobar) (Takakusu 1896: XXX) dan setengah bulan kemudian tiba di Tan-mo-li-ti (Tāmralipti) (Wheatley 1961: 41-42).

Kedah sebelum itu sudah pun muncul dalam catatan China pada tahun 638, ketika Kerajaan Kedah Tua menghantar seorang utusan ke China. Ma Tuan-lin mencatatkan Chia-cha menghantar utusannya ke istana China pada tahun 638 dan Chia-cha ini sama seperti lokasi Chieh-cha yang telah disebut oleh I-Ching ketika pengembaraannya ke Nalanda, India (Wheatley 1961: 46). Kedah Tua telah pun menjadi

pelabuhan entrepot yang penting sejak abad keempat berdasarkan pentarikan relatif yang dibuat berdasarkan inskripsi-inskripsi yang dijumpai di Lembah Bujang sebelum menjalinkan hubungan diplomatik dengan China. Pada tahun 671, ketika I-Ching tinggal di Kedah sebelum meneruskan perjalanan ke Nalanda, Kerajaan Kedah masih sebuah kerajaan yang bebas dan I-Ching juga menyatakan bahawa perjalanan beliau semua dilakukan dengan menggunakan kapal milik Melayu. Pada perjalanan pulang pada tahun 685, I-Ching singgah lagi di Kedah dan melaporkan bahawa Kedah ketika itu sudah menjadi naungan Śrīvijaya berserta dengan Kerajaan Moloyu (Jambi) (Wheatley 1961: 43).

Pelabuhan-pelabuhan yang menjadi persinggahan pedagang Arab-Parsi antaranya ialah Kalah, sebuah pelabuhan yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Walaupun menjadi perdebatan sehingga kini sama ada lokasi Kalah ini terletak di Takuapa ataupun Kedah, kebanyakan para sarjana yang menyatakan bahawa Kedah ini sama dengan Kalah seperti yang tercatat dalam sumber-sumber Arab pada sekitar abad kelapan dan kesembilan (Wheatley 1961: 222-224; Nik Hassan Shuhaimi 2008: 15-22; Mohd Supian 2002: 5) tetapi ada juga pendapat yang menyatakan bahawa Kalah ini adalah di *Takuapa* (Coedés 1968: 28). H.G.Q Wales pula berpendapat bahawa Kalah yang disebut oleh orang Arab ada dua, iaitu sebelum abad ke-11 pelabuhan yang disebut Kalah ialah Takuapa yang terletak di wilayah Tambralingga di utara Kataha (Kedah). Akan tetapi pada abad ke-11, pelabuhan *Kalah* yang disebut oleh orang Arab ialah Kedah (Quaritch-Wales, 1976).

Kalah terkenal sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang memperdagangkan bijih timah dan juga melombong bijih timah. Sumber daripada akhbar *as-Sin wa'l-Hind* menterjemahkan *bar* dalam bahasa Arab bermaksud kerajaan atau pesisir pantai (Mohd Supian 2002: 5). Dengan itu, *Kalah-bar* jika diterjemahkan dalam bahasa Arab bermaksud sebuah kerajaan yang lokasinya berdekatan dengan pesisir pantai (Wheatley 1961: 216). Akhbar *as-Sin wa'l-Hind* juga menyatakan bahawa al-Zabaj atau Kerajaan Śrīvijaya telah menguasai Kerajaan *Kalah-bar* (Coedés 1968: 131; Wheatley 1961: 217). Walau bagaimanapun, *Kalah-bar* diperintah oleh rajanya sendiri dan bukan raja daripada keturunan Śrīvijaya. Sulayman pula dalam catatannya telah memberikan gambaran bahawa Kerajaan *Kalah-bar* ini merupakan kerajaan naungan Śrīvijaya dan juga pusat perdagangan entrepot. Di sini juga pelayar dan pedagang singgah untuk mendapatkan bekalan air bersih (Mohd Supian 2002: 5).

Abu Dulaf Misa'r menyatakan bahawa Kalah ialah sebuah kerajaan yang besar dengan dikelilingi tembok, taman bunga, kemudahan sumber air, pasar dan rumah dengan jumlah penduduk yang ramai (Braddell 1950: 23). Berdasarkan catatan pedagang Arab, masyarakat Kalah memakai pakaian longgar yang dikenali sebagai *futah* (Mohd Supian 2002: 6). *Futah* bermaksud kain di bahagian pinggang yang dilonggarkan manakala Wheatley (1961: 216-217) pula menganggap *futah* sebagai kain sarung. Beliau juga menggambarkan bahawa masyarakat Kalah tinggal di dalam sebuah kota dan terdapat rakyatnya yang mahir membuat pedang. Abu Dulaf Misa'r menambah lagi bahawa masyarakat yang menetap di Kalah memakan haiwan yang tidak disembelih dan mandi di sungai untuk membersihkan diri.

Makanan utama ketika itu ialah gandum, sayur-sayuran yang dijual dalam kiraan berat dan roti yang dijual dalam kiraan jumlah. Dari segi pakaian, mereka digambarkan memakai *Firand* (sutera yang diimport dari China) yang sangat halus. Kalah telah mempunyai sistem sosial yang teratur dari segi keadilan, layanan terhadap pesalah dan juga hal-hal yang berkaitan dengan denda (Wheatley 1964: 216-217; Mohd Supian 2002: 6). Peranan Kataha (Kedah) sebagai pelabuhan utama bagi pedagang Arab-Parsi ini dibuktikan dengan jumpaan dua keping syiling Zaman Abbasid (758 M – 1258 M) di Kuala Sungai Merbok (Wheatley, 1964) dan salah satunya bertarikh 234 (848 M).

### 3.0 Hubungan Agama, Budaya dan Migrasi

Zaman sekitar abad ke-13M sehingga 17M telah memperlihatkan berlakunya pertukaran agama-budaya dan bahasa antara Parsi dan Alam Melayu (Petrů Tomáš \*, 2016). Agama Islam telah berperanan sebagai pengikat terkuat antara Alam Melayu dan Dunia Arab-Parsi. Hubungan antara Dunia Arab dengan Alam Melayu memang sudah lama terjalin, iaitu sejak sebelum kedatangan Islam lagi (Yahaya, 2015). Oleh sebab itu, pengaruh Arab ke atas Alam Melayu adalah besar, lebih-lebih lagi setelah kedatangan Islam; di mana kesan dan pengaruh ini melibatkan istilah, dan nama-nama negeri di Asia Barat (Yahaya, 2015). Sebagai contoh, istilah “Maghribi” yang tertera dalam kitab-kitab Jawi adalah merujuk kepada negeri-negeri di Afrika Utara (Yahaya, 2015).

Pengislaman Yaman ketika zaman Rasulullah SAW membawa kepada perkembangan Islam ke Nusantara. Negara Yaman sebelum kelahiran Islam lagi telah didatangi oleh peniaga-peniaga Arab dan dari pelbagai bangsa termasuk pedagang Alam Melayu (Ahmad Shalaby, 1983: 55) (Borham, 2014). Dilihat dari segi hubungan perdagangan, apabila orang-orang Yaman memeluk Islam, kesedaran dakwah juga wujud di kalangan mereka (Borham, 2014). Mereka kemudiannya mengambil peluang untuk menyebarkan Islam kepada pedagang-pedagang Alam Melayu yang datang ke negara mereka, begitu juga sebaliknya ketika mereka berdagang ke Alam Melayu (Borham, 2014). Islam juga datang ke Alam Melayu sewaktu zaman Khulafa' al-Rasyidin, khususnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab (634M-644M) (Borham, 2014). Pada zaman pemerintahan beliau, kekuasaan Islam telahpun sampai ke Rom dan Parsi (Borham, 2014). Menurut sejarah, terdapat ramai di kalangan orang-orang Parsi memeluk Islam. Begitu juga dengan keturunan Parsi yang berada di Perlak dan Pasai (Borham, 2014).

Islam telah sampai di Champa pada abad kesebelas Masihi lagi berdasarkan penemuan batu nisan bertarikh 1039M dan prasasti bertarikh 1025 M di Panduranga (Musa, 2008). Selain itu, legenda Cham ada menyebutkan tentang seorang pemerintah kerajaan Champa yang beragama Islam, bernama Po-Oolah yang memerintah daripada 1000 M-1036 M di Cu'-Banoy (Halimi, 1993). Terdapat juga catatan Arab mengenai kerajaan orang Khmer atau Kemboja (jiran kepada orang Champa). Catatan seorang penulis Arab yang bernama Ya'kubi (sekitar 875M atau 880M) telah menceritakan tentang kerajaan Khmer yang menerima penghormatan dari Raja kerajaan-kerajaan lain kerana kekuatan mereka (Majumdar, 1944). Terdapat catatan lain oleh Ibn Rosteh (903M) yang mencatatkan tentang kewujudan 80 orang hakim di bawah kerajaan Kemboja dan putera Raja yang berhak dihukum oleh undang-undang jika melakukan kesalahan (Majumdar, 1944).

Catatan oleh pelayar dan pengembara muslim seperti Ibn Battutah tentang kesan pengaruh Islam terhadap pemerintahan telah menguatkan lagi hubungan Alam Melayu dan Arab-Parsi yang menerima Islam lebih awal. Beliau yang pernah menunaikan haji (sekitar tahun 1300M-1350M) ketika menetap di Mesir telah berjumpa dengan jemaah haji yang datang dari Alam Melayu (Yahaya, 2015). Beliau juga telah merakamkan pencapaian Alam Melayu dalam perkapalan dan maritim. Di India, sekitar tahun 1333M, Ibn Battutah telah melaporkan bahawa dia sendiri melihat kapal-kapal Melayu yang berasal dari Sumatera (Lapian, 1996). Kemungkinan kapal-kapal tersebut dari kerajaan Samudera-Pasai. Pada tahun 1345M, Ibn Battutah telah melawat Samudera Pasai dan berjumpa dengan pegawai hal ehwal Islam daripada istana sultan dan juga kadi yang berperanan sebagai hakim. Pada masa itu sultan Samudera Pasai telah mengamalkan mazhab Syafie (Mitrasing, 2015). Sekitar tahun 1364M pula, Ibnu Battutah yang menziarahi Pasai telah merakamkan sesi-sesi perbincangan ilmu antara para Ulama Pasai dengan Ulama dari Tanah Arab yang diadakan di Masjid Ar-Rahman yang dipengerusikan sendiri oleh Sultan Pasai (Ahmad, 2012). Beliau juga mencatatkan tidak ada kesukaran untuk berinteraksi dengan orang Melayu Pasai kerana bahasa Arab dan Parsi digunakan secara meluas di Pasai pada masa itu (Guillot, 2011).

Ibn Battutah (1325M-1377M) yang hidup sezaman dengan Ibn Khaldun dan berasal dari Tanjah, Maghribi yang terletak di Afrika Utara bersama Tunisia telah mengembara ke Alam Melayu dan tinggal di Aceh dalam tempoh yang agak lama (Yahaya, 2015). Dalam tempoh itulah beliau sempat menemui serta bertukar-tukar maklumat dengan sultan Aceh dan pembesar-pembesar negeri dan ulamak Aceh dan telah mencatatkan maklumat mengenai kepercayaan agama dan kebudayaan orang Melayu di Aceh (Yahaya, 2015). Penduduk yang tinggal di Aceh termasuklah yang datang dari China, Pegu, India, Parsi, kawasan Laut Merah dan Turki yang membawa kepercayaan dan budaya mereka masing-masing (Mitrasing, 2015).

Nama kerajaan Srivijaya antara yang kerap dicatat oleh pelawat Arab, seperti oleh Edrisi pada tahun 1150M yang menamakan Srivijaya sebagai "kepulauan Malai yang besar" (Din, 2011). Berdasarkan sumber bertulis, pelabuhan terkenal yang menjadi persinggahan pedagang Arab-Parsi ialah Zabaj, yang terletak di Palembang dan berada dibawah penguasaan Srivijaya (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Malah, al-Biruni sendiri menamakan Srivijaya sebagai Suvarnabhumi yang pada masa itu disebut sebagai Zabaj (Majumdar, 1937).

Kerajaan Melayu Kedah juga tidak asing dalam catatan-catatan pelayar Arab. Abu Dulaf Misa'r menyatakan bahawa Kalah ialah sebuah kerajaan yang besar dengan dikelilingi tembok, taman bunga, kemudahan sumber air, pasar dan rumah dengan jumlah penduduk yang ramai (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Selain itu, beliau mengatakan bahawa masyarakat Kalah tinggal di dalam kota dan menjalankan pekerjaan sebagai tukang membuat pedang (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Terdapat juga catatan oleh al-Mas'udi yang menyatakan kedudukan Kalah (Kedah) yang berada di pertengahan jalan antara barat dan China. Ini menjadikan Kedah sebagai pusat perhentian dan pertemuan kapal-kapal dagang Islam dari Oman dan China (Zarif, 2011).

Catatan Ibnu Batutah juga menunjukkan kewujudan putera diraja Kelantan yang beragama Islam sekitar 1297M. Kejatuhan Srivijaya sekitar abad ke-14M telah menyebabkan Kelantan menjadi antara pusat rebutan antara dua pengaruh, iaitu kerajaan Sukhotai dan kerajaan Majapahit. Sejarah Melayu pula menyatakan kerajaan Kelantan lebih mahsyur daripada Patani sekitar abad ke-15M yang menjadi antara pendorong kepada Sultan Mahmud dari Empayar Melaka (1488-1511) menakluki Kelantan (Saripan, 1979).

Catatan seorang pengembara Arab bernama Mas'udi pada tahun 943M telah menyatakan Pahang sebagai salah satu dari kawasan jajahan Srivijaya (Seribuza) dan terdapat kehadiran ramai orang laut (Adil, 1972). Pelabuhan lain yang amat popular dalam catatan Arab ialah Tiyumah, dipercayai lokasinya adalah Pulau Tioman. Tiyumah lebih berperanan sebagai tempat di mana pedagang-pedagang singgah untuk berteduh dan mendapatkan bekalan air bersih sebelum meneruskan perjalanan ke China. Catatan Arab juga ada menyebut tentang tempat yang disebut 'Panhang' atau dikenali sebagai Pahang (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).

Hubungan Alam Melayu dan dunia Arab diperkukuhkan lagi menerusi migrasi dua hala yang telah berlaku sejak sekian lama. Uka Tjandrasmita, sejarawan Indonesia, telah mencatatkan tentang kewujudan masyarakat Arab yang dikenali sebagai 'Ta-Shih' pada sekitar tahun 674M yang merancang untuk berperang dengan Kerajaan Ho-Ling (Jawa) (Wood, 2011). Selain itu, menurut Heuken (2002:13-29) kehadiran masyarakat Arab-Parsi adalah lebih awal lagi iaitu sekitar abad ke-4M, di mana terdapat 500 keluarga Parsi tinggal di wilayah Tun-Sun (dipercayai terletak di semenanjung Tanah Melayu) (Hilarian, 2007). Kedatangan pedagang Arab ke Melaka telah membentuk satu komuniti pedagang di Melaka bersama-sama pedagang dari Afrika Timur, Teluk Parsi dan Goa (Hanifah & Redzuan, 2014).

Sebenarnya, proses migrasi ini tidak hanya berlaku dari Dunia Arab ke Alam Melayu, tetapi juga sebaliknya. Terdapat rekod yang menunjukkan berlakunya juga migrasi orang Melayu dalam skala kecil ke kawasan Dunia Arab. Ini dapat dilihat menerusi catatan Shaffer (1996), yang menyatakan wujudnya penempatan kecil masyarakat Melayu di bandar pelabuhan Aden di Yaman seawal tahun 35SM lagi (Zarif, 2011).

Kesan dari segi penggunaan bahasa Melayu hari ini juga memperkukuhkan bentuk hubungan antara Alam Melayu dan Arab-Parsi. Pengaruh bahasa Parsi dapat dilihat menerusi penggunaan perkataan seperti baju, badam, bandar, biadab, cambuk, cokmar, domba, gandum, istana, serban, saudagar, tamasya, pahlawan, pasar, bazar, nisan, nakhoda dan kenduri (Petrů Tomáš \*, 2016). Perkataan Aceh dikatakan berasal daripada kalimah Arab iaitu 'Achin' yang tertulis di Ain Akbari dan jadual geografi dalam Sadik Isfahani (Mitrasing, 2015). Sebuah buku bertajuk '*An Illustrated Guide to the Federated Malay States*' yang ditulis sendiri oleh British telah menggambarkan budaya wanita Melayu di Tanah Melayu sekitar era penjajahan British yang biasa mengenakan tudung kepala, yang pada pandangannya merupakan pengaruh dari Arab dan Mesir (Harrison, 1920).

Hubungan Alam Melayu dan Arab-Parsi juga disokong oleh peranan yang dimainkan oleh para ulama' pada zaman kerancakan perhubungan tersebut. Pada zaman pemerintahan Sultan Ali Riayat Shah (1571-1579M) di Aceh, terdapat seorang ulama bernama Muhammad Azhari (Sheikh Nur al-Din) yang berasal dari Mesir (Hanifah & Redzuan, 2014). Sekitar tahun 1580M, terdapat seorang ulama di Aceh yang merupakan keturunan ulama terkenal di Mesir, iaitu Ibn Hajar al-Haythami (1504-1567M) (Hanifah & Redzuan, 2014).

#### 4.0 Kedah Tua Daripada Sumber Epigrafi

Walaupun sumber-sumber syair Tamil dan Sanskrit sedikit sebanyak memberikan gambaran umum mengenai kepentingan dan peranan Kedah Tua, kesahihan fakta dalam penulisan sastera masih menjadi topik perdebatan sehingga kini. Walau bagaimanapun, keadaan adalah berbeza untuk prasasti. Prasasti merupakan dokumen rasmi yang cuma boleh dikeluarkan oleh pihak pemerintah. Dokumen di atas prasasti yang sudah dipahat pada sesuatu masa selalunya tidak lagi boleh dipinda. Oleh yang demikian, sumber prasasti merupakan salah satu sumber yang terpenting yang mampu memberi gambaran paling konkrit mengenai masa lampau Kedah Tua. Walaupun masih belum ditemui sebarang prasasti di Lembah Bujang yang ada memberi gambaran mengenai perkembangan Kedah Tua pada zaman Klasik, prasasti-prasasti yang mampu memberi gambaran tersebut telah ditemui di India Selatan.

Sumber prasasti merupakan sumber tertulis yang memiliki kredibiliti paling tinggi. Hal ini kerana, tidak seperti karya-karya sastera ataupun sumber-sumber penulisan dalam bentuk manuskrip, kandungan dalam prasasti setelah dipahat tidak boleh dipinda ataupun diubahsuai. Prasasti-prasasti merupakan satu bentuk dokumen rasmi yang boleh dikeluarkan oleh pemerintah atau golongan pembesar sahaja. Oleh yang demikian, maklumat-maklumat yang wujud dalam sesebuah prasasti boleh dianggap sebagai maklumat yang sahih pada ketika prasasti tersebut dipahat. Sehingga kini, diketahui bahawa prasasti-prasasti yang menyebut tentang Kedah Tua dari India cuma dikeluarkan oleh raja-raja kerajaan Chola sahaja. Prasasti-prasasti yang dikeluarkan adalah hasil daripada hubungan politik atau ekonomi dengan empayar yang menguasai Kedah Tua.

Sumber-sumber prasasti selalunya memberi gambaran mengenai status politik Kedah Tua dan mencerminkan bentuk kepentingan Kedah Tua kepada kerajaan mereka. Prasasti-prasasti tersebut merupakan Kepingan Gangsa Leiden Besar, Kepingan Gangsa Leiden Kecil, Prasasti Singkat Virarajendra dan Prasasti Tanjore. Prasasti Kepingan Leiden Besar telah dikeluarkan oleh Raja Rajaraja I pada sekitar tahun 1006 Masihi manakala Prasasti Kepingan Leiden Kecil telah dikeluarkan

oleh Raja Kulotungga I pada tahun 1090 Masihi. Prasasti Tanjore pula telah dikeluarkan oleh Raja Rajendra I pada tahun 1031 Masihi.

Prasasti ringkas Virarajendra dikeluarkan pada sekitar 1068 Masihi. Kesemua prasasti-prasasti tersebut telah mencerminkan hubungan politik dan ekonomi yang amat rapat antara kerajaan Chola dan kepulauan Asia Tenggara secara amnya. Prasasti kepingan Leiden Besar (Nilakanta 1949: 128-130) yang dikeluarkan oleh Rajaraja I dipahat dengan menggunakan dua bahasa, iaitu bahasa Sanskrit dan Tamil. Raja Rajaraja I memerintah kerajaan Chola dari tahun 985 hingga 1014 Masihi. Baginda merupakan seorang pemerintah agung kerajaan Chola yang mengamalkan dasar ekspansi yang amat agresif. Pemerintahan Rajaraja I boleh dianggap sebagai zaman keemasan kerajaan Chola. Prasasti Kepingan Leiden Besar yang dikeluarkan oleh Rajaraja I sebagai satu dokumen rasmi untuk menceritakan tentang pembinaan sebuah Vihara Buddha di Nagapatam oleh Raja Suvarnabhumi dan anugerah sebuah kampung yang berfungsi untuk menyelenggara vihara tersebut. Prasasti tersebut melambangkan hubungan rapat yang wujud antara kerajaan Chola dan pelabuhan Kedah Tua.

Pada bahagian bahasa Sanskrit, prasasti tersebut dimulakan dengan puji-pujian kepada Raja Rajaraja I yang disebut sebagai Rajaraja Kesarivarman. Dalam prasasti tersebut, dinyatakan bahawa sebuah kuil Buddha yang dinamakan Culamanivarmavihara telah dibina oleh Raja Maravijayotunggavarman di Nagapatam. Maravijayotunggavarman merupakan pemerintah Srivijaya dan Kataha dari Dinasti Sailendra dan merupakan putera kepada Culamanivarmadeva. Seterusnya, prasasti tersebut menyatakan bahawa kampung Anaimangalam dianugerahkan oleh Rajaraja I untuk penjagaan dan pembiayaan kuil tersebut. Pada bahagian akhir, diberi pujian kepada Raja Kataha dan seterusnya dinyatakan bahawa prasasti tersebut dipahat oleh Tuvavuravan Anukka atas arahan Raja Kataha.

Raja Rajendra Chola I yang menggantikan Raja Rajaraja I kemudiannya telah mewariskan pemerintaan kepada tiga putera baginda iaitu Rajadhiraja I Rajakesari, Rajendra II Parakesari dan Virarajendra Rajakesari. Dalam kalangan ketiga-tiga putera tersebut, prasasti yang menyebut tentang Kedah Tua dikeluarkan oleh Virarajendra Rajakesari yang memerintah dari 1063 hingga ke 1069 Masihi. Baginda telah mengeluarkan sebuah prasasti ringkas (Nilakanta 1975: 271-272) yang menyebut mengenai Kedah Tua. Dalam prasasti tersebut, dinyatakan bahawa Virarajendra telah menakluk Kadaram bagi pihak Raja Kadaram yang meminta bantuan baginda sekitar 1068M.

Prasasti Kepingan Kecil Leiden telah menunjukkan bahawa pada ketika itu wujud hubungan yang rapat antara kerajaan Chola dan Suvarnabhumi. Prasasti tersebut menceritakan tentang permintaan Raja Kadaram untuk memperbaharui geran tanah bagi kuil Culamanivarmavihara yang telah dinamakan semula sebagai Rājārājapperumballi. Di samping itu, Raja Kadaram turut meminta agar sebuah lagi kampung diberikan untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan sebuah lagi kuil yang baru dibina yang dinamakan Rājendraśolapperumballi. Dalam prasasti tersebut telah turut dinyatakan mengenai jumlah tanah yang diukur syarat cukai yang dikenakan. Kesemua prasasti Chola telah beberapa kali menyebut pemerintah Suvarnabhumi sebagai pemerintah Kedah Tua. Pada bahagian Bahasa Sanskrit, pemerintah Suvarnabhumi pada mulanya disebut sebagai “Śriviṣayādhipatinā Kaṭah-ādhipatyam ātavantā” yang bermaksud “Pemerintah Srivijaya dan yang menjalankan pemerintahan di Kedah”. Walau bagaimanapun, pada bahagian seterusnya Raja Suvarnabhumi tersebut digelar “Kaṭah-ādhipates” yang bermaksud “Pemerintah Kedah”.

Pada bahagian bahasa Tamil pula, Raja Suvarnabhumi disebut sebagai “Kiḍāratta-araiyan” ataupun “Kaḍāratta-araiyan”, masing-masing bermaksud Raja Kidara dan Raja Kadara, kedua-duanya membawa makna Raja Kedah. Pada bahagian pertama prasasti yang berbahasa Sanskrit, Raja Suvarnabhumi digelar sebagai Raja Srivijaya yang “menjalankan pemerintahan atau pentadbiran di Kedah”. Seterusnya, baginda cuma digelar sebagai Raja Kedah dalam prasasti yang sama. Perkara

yang sama telah diulangi dalam Prasasti Tanjore apabila Raja Suvarnabhumi telah digelar sebagai “Kaḍārattaśānai” yang bermaksud “Raja Kadaram” manakala dalam Prasasti Kepingan Leiden Kecil, Raja Suvarnabhumi sekali lagi disebut sebagai “Kaḍāratta-araiyan” yang turut bermaksud Raja Kadara.

## 5.0 Kedah Tua Berdasarkan Bukti Arkeologi

Data arkeologi yang dijumpai di Kedah dan Pulau Pinang secara tidak langsung telah membuktikan keberadaan Kedah Tua dalam catatan asing seperti sumber dari Arab-Parsi, India dan juga China. Data arkeologi ini terdiri daripada tinggalan-tinggalan monumen seperti candi, *features* seperti bahan binaan dan relau besi dan pelbagai jenis artifak seperti seramik, kaca, manik, arca agama, inskripsi, tembikar tanah tempatan, logam besi, makara dan pelbagai jenis artifak berharga lain yang ditemui secara sengaja atau melalui kajian bersistematik yang melibatkan ekskavasi arkeologi. Ekskavasi arkeologi yang banyak dilakukan di kawasan sekitar lembangan Sungai Merbok dan Sungai Muda telah mendedahkan penempatan masyarakat yang dikaitkan dengan politi atau kerajaan Kedah Tua.

Analisis data menunjukkan bahawa tinggalan arkeologi di Kedah dan Pulau Pinang ini boleh dibahagikan kepada dua lapisan budaya yang utama iaitu lapisan budaya pra Buddha-Hindu dan lapisan budaya Buddha-Hindu. Lapisan kebudayaan pra Buddha-Hindu ini boleh juga dikaitkan dengan Zaman Prasejarah Akhir iaitu Zaman Logam manakala lapisan budaya Buddha-Hindu ini dikaitkan dengan Zaman Protosejarah. Antara tapak yang menemukan lapisan kebudayaan pra Buddha-Hindu ialah di Sungai Mas (Tapak 32/34) dan juga tapak Sungai Batu yang menemukan tinggalan relau besi. Manakala lapisan kebudayaan zaman protosejarah ini memperlihatkan tinggalan puluhan monumen yang berupa candi.

### 5.1 Lapisan Kebudayaan Pra Buddha-Hindu.

Rekod China, Ma Tuan Lin mencatatkan bahawa pada tahun 638, Chia-Cha sebuah kerajaan di Asia Tenggara menghantar utusan menghadap Maharaja China. Chia-Cha ini mungkin juga Chieh-cha yang disebut oleh I-Ching dalam pelayarannya ke Nalanda India. Maka ini jelas pada abad ke-7 Masihi, sistem berkerajaan sudah diguna pakai oleh pemerintahan Kedah Tua pada masa itu dan gelaran raja telah digunakan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada bukti artifak terutamanya inskripsi menunjukkan bahawa kerajaan Kedah Tua sudah pun wujud sejak abad ke- 5 Masihi. Sebelum abad ke-5, sudah pun wujud masyarakat yang mempunyai sistem sosial yang teratur tetapi ketua masyarakat masih belum meminjam budaya India sepenuhnya dan mengikut klasifikasi masyarakat masih di tahap *chiefdom* atau ketua puak.

Beberapa penyelidikan dan ekskavasi arkeologi di lembangan Sungai Muda dan Sungai Merbok telah mendedahkan lapisan budaya yang menunjukkan aktiviti manusia bermula sejak awal abad Masihi. Kawasan tersebut ialah di Sungai Mas dan juga Sungai Batu. Penyelidikan di Sungai Mas pada tahun 2006 hingga 2007 oleh sepasukan ahli arkeologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia misalnya telah mendedahkan lapisan kebudayaan pra Buddha-Hindu ini. Lapisan budaya ini kaya dengan jumpaan tembikar tanah dalam jumlah yang besar dan ini menunjukkan bahawa masyarakat tempatan mempunyai kemahiran dalam menghasilkan tembikar tanah untuk keperluan sendiri dan dijual ke kawasan pedalaman. Analisis artifak juga menunjukkan bahawa tidak ada jumpaan tembikar dari Arikamedu yang lebih dikenali sebagai *roulette ware*.

Punca kenapa roulette ware tidak ditemui adalah disebabkan penghasilan tembikar tanah di Sungai Mas yang sudahpun mencapai skala yang besar maka tembikar dari India sudah tidak diperlukan. Pada lapisan budaya pra Buddha-Hindu ini juga ditemui tiang-tiang rumah yang diperbuat daripada kayu. Masyarakat di Sungai Mas telah mendirikan rumah mereka di tebing-tebing sungai atau muara sungai. Pentarikhan kronometrik yang menggunakan teknik analisis karbon-14 telah menunjukkan bahawa

lapisan pra Buddha-Hindu di tapak Sungai Mas memberikan pentarikhan  $1810 \pm 50$ BP iaitu kira-kira abad ke-2 Masihi manakala pentarikhan sampel arang yang berasosiasi dengan batu bata yang digunakan untuk membina candi menunjukkan pentarikhan  $1720 \pm 50$  BP iaitu kira-kira abad ke-3 Masihi (Zuliskandar Ramli 2012: 125).

Penyelidikan dan ekskavasi arkeologi di Sungai Batu pula telah menemukan tapak peleburan besi yang dibina antara abad ke-2 hingga ke-5 Masihi (Naizatul Akmar *et al.* 2011: 1-16). Antara artifak dan features yang ditemui ialah bijih besi, sanga besi, peralatan diperbuat daripada besi, *tuyere* dan relau meleburkan besi. Berdasarkan sumber Arab-Parsi, masyarakat di Kedah Tua telahpun mahir dalam menghasilkan pedang daripada besi dan berdasarkan kenyataan ini, aktiviti peleburan besi berterusan sehingga abad-abad seterusnya dan bukannya hilang pada abad ke-5 Masihi (Naizatul Akmar Mokhtar *et al.* 2011: 1-16)

### 5.2 Lapisan Kebudayaan Protosejarah

Lapisan kebudayaan protosejarah meninggalkan banyak bukti berbentuk artifak, ekofak dan juga *features*. Antara yang menjadi bukti penting ialah keberadaan candi yang sehingga kini bukti fizikalnya terdapat di kawasan lembangan Sungai Muda, Sungai Bujang, Sungai Merbok Kechil dan Sungai Batu. Candi di Kedah tertumpu pada kawasan tepian pantai berhampiran dengan jalan masuk di utara hingga Selat Melaka. Semua tinggalan terletak antara Sungai Muda di selatan dan Gunung Jerai, setinggi 1217 meter, dan 15km ke selatan. Dalam lingkungan kawasan ini, terdapat lebih daripada 87 buah tapak monumen yang dipercayai mempunyai candi telah dilaporkan; 73 buah tapak mempunyai kesan tinggalan batu, laterit atau batu-bata yang digunakan sebagai bahan utama binaan apabila 60 tapak dianggap sebagai tinggalan monumen candi.

Tiga belas tapak terletak di atas bukit yang menunjukkan satu ciri yang mungkin timbul daripada kepercayaan prasejarah tentang kesucian tempat tinggi. Kebanyakan tinggalan candi terletak di bahagian selatan Gunung Jerai yang kebanyakan dibina di tepi tebing sungai-sungai utama di Lembah Bujang seperti Sungai Muda, Sungai Bujang, Sungai Merbok Kechil, Sungai Batu dan Sungai Mas. Pentarikhan relatif tapak-tapak ini menunjukkan bahawa candi ini mula dibina oleh masyarakat tempatan sejak abad kelima dan berakhir pada abad ke-12 atau abad ke-13 apabila Islam mula diterima masyarakat setempat (Zuliskandar Ramli 2012: 123-125). Candi Bukit Choras (Tapak 1) merupakan candi yang berunsur agama Buddha dan dibina dengan menggunakan batu laterit. Pentarikhan relatif tapak ini menunjukkan candi ini dibina pada abad kesembilan atau abad ke-10.

Candi Bukit Pendiak (Tapak 17), berbentuk segi lapan, Candi Pengkalan Bujang (Tapak 21) yang bersegi tujuh serta jumpaan terbaharu Candi Sungai Batu (Tapak SB1) menunjukkan struktur tersebut merupakan struktur sebuah stupa yang merupakan ciri-ciri candi berunsur agama Buddha. Candi Buddha yang berbentuk segi empat tepat juga mempunyai ciri-ciri khas lain, iaitu pintu masuknya dari arah utara. Ciri khas candi Hindu terdiri daripada dua bahagian, iaitu *vimana*, satu kawasan terlindung yang diletakkan patung dewa utama dan *mandapa*, ruang legar tidak berdinging. Ruang berbumbung ini disokong oleh tiang kayu. Asasnya dibina daripada batu atau bata yang dibakar atau laterit. Candi yang paling terpelihara ialah candi di kawasan 8, Candi Bukit Batu Pahat. Ciri khas lain yang terdapat pada candi Hindu ialah pintu masuknya adalah dari arah timur.

*Mandapa* sering dikaitkan dengan asas batu yang digunakan untuk melindungi tiang kayu yang menyokong bumbung tersebut. Struktur seperti ini sering dikaitkan dengan candi di India Selatan yang didedikasikan pada Dewa Siva. Candi Hindu di Lembah Bujang berdasarkan pentarikhan relatif dibina seawal abad ke-11 ketika Kedah dipengaruhi oleh Kerajaan Chola dari Selatan India. Ciri-ciri Hindu pada tapak ini dapat dilihat dengan adanya satu saluran yang digunakan untuk menampung air suci yang telah digunakan bagi membersihkan patung utama, dan satu corong di bahagian luar oleh

penganut-penganut yang dinamakan *somasutra*. Aturan ini jarang-jarang dijumpai di Asia Tenggara tetapi suatu perkara yang biasa di India Selatan.

## 5.0 Tinggalan Candi di Kedah

Salah satu tinggalan berharga Kerajaan Kedah Tua yang masih boleh dilihat pada hari ini ialah tinggalan-tinggalan berupa monumen candi yang menjadi bukti kewujudan masyarakat Kedah Tua yang sudah menyerap pengaruh Buddha-Hindu ke dalam kehidupan mereka sejak abad keempat lagi. Berdasarkan kajian sebelum ini terdapat dua jenis bentuk atau seni bina candi di Lembah Bujang, iaitu candi yang berunsur Buddha yang dapat dikenal pasti dengan terdapatnya struktur stupa dan orientasi arah struktur monumennya adalah di utara-selatan yang pintu masuk utamanya dari utara. Candi berunsur agama Hindu pula dikenal pasti dengan struktur *vimana* dan *mandapa* dan orientasi arah struktur candi tersebut adalah di timur-barat apabila pintu masuk utamanya adalah dari arah timur.

Candi-candi awal di Kedah Tua diperbuat daripada batuan semula jadi yang diperoleh dari kawasan tidak jauh daripada masyarakat itu menetap. Sebelum penggunaan bata, batu-batu semula jadi seperti batu laterit, batu syal, batu lumpur dan batu sabak digunakan untuk membina candi-candi di Lembah Bujang atau Kerajaan Kedah Tua. Batu-batu besar ini dipotong menjadi blok-blok batu yang lebih kecil dan ini memperlihatkan kepada kita betapa mahir masyarakat di Kedah Tua pada masa itu yang mahir dalam kerja-kerja memotong batuan besar menjadi blok-blok yang lebih kecil, mahir dalam pengukuran saiz, seni bina dan matematik. Kemahiran dan kebolehan masyarakat di Kedah Tua ketika itu dapat dilihat melalui jumpaan candi-candi yang bersaiz kecil jika dibandingkan dengan di Sumatera, namun sudah cukup untuk membuktikan kepada kita kebolehan dan penguasaan mereka dalam bidang sains dan teknologi.

Perkembangan teknologi seni bina candi di Kedah Tua dilihat dengan teliti dalam aspek teknologi penggunaan bahan-bahan binaan dan evolusinya. Teknologi pembinaan candi di Kedah Tua pada tahap awal dibina dengan menggunakan batuan semula jadi seperti batuan laterit, batu lumpur dan batu sabak. Tahap berikutnya candi di Lembah Bujang dibina dengan menggunakan batu granit, batu sungai dan batu-bata. Tahap ini dikelaskan berdasarkan pentarikhan relatif yang dibuat ke atas artifak-artifak yang berasosiasi dengan tapak terutamanya jumpaan-jumpaan inskripsi dan seramik perdagangan. Teknologi bahan binaan candi di Lembah Bujang amat unik kerana candi pada tahap awal, iaitu antara abad keempat hingga abad keenam, masyarakat di Lembah Bujang menggunakan batuan semula jadi sebagai bahan binaan terutamanya batu laterit, batu lumpur atau batu sabak. Hal ini dapat dilihat pada binaan candi di Bukit Choras (Tapak 1) dan Kampung Sungai Mas (Tapak 32).

Ekskavasi yang dijalankan oleh penyelidik dari UKM di Kampung Sungai Mas pada tahun 2007 telah mendedahkan keseluruhan struktur candi yang dibina dengan menggunakan batu laterit, batu lumpur, batu sabak, batu granit dan bata. Terdapat dua tahap pembinaan di Candi Kampung Sungai Mas, iaitu tahap pertama menggunakan bahan binaan yang terdiri daripada batuan semula jadi seperti batu laterit, batu lumpur dan batu sabak. Tahap kedua candi ini pula dinaiktarafkan dengan menggunakan bahan binaan seperti bata dan batu granit dan dipercayai bahawa bata sudah mulai meluas digunakan sejak abad keenam. Ketika ini, evolusi dalam pembinaan candi telah pun bermula dengan transformasi ilmu dalam masyarakat tempatan yang dapat menguasai teknologi pembuatan bata.

Hal ini dibuktikan dengan kajian saintifik yang dijalankan ke atas bata yang terdapat di Kampung Sungai Mas (Tapak 32) yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan dan sumbernya diperoleh di sepanjang lembangan Sungai Muda (Zuliskandar *et al.*, 2012: 196-201). Walaupun bata digunakan secara meluas sejak abad keenam, pembinaan candi dengan menggunakan batuan semula jadi masih diteruskan. Penggunaan batuan laterit sebagai candi seperti yang dapat dilihat pada binaan-binaan candi di Sungai Bujang seperti di Tapak 1 (Bukit Choras), Tapak 2 (Sungai Bujang), dan Candi Bendang Dalam (Tapak

50). Binaan-binaan candi yang menggunakan batuan kelikir sungai boleh dilihat pada binaan-binaan candi di Sungai Batu, iaitu di Tapak 3, dan Tapak 11. Candi yang menggunakan batu granit sebagai bahan binaan asasnya boleh dilihat pada binaan Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8) dan di Tapak 9 (Gunung Jerai).

Tapak-tapak candi yang menggunakan dua jenis bahan binaan yang berlainan untuk struktur utama ialah di Tapak 4 (Candi Sungai Batu) yang menggunakan batu kelikir dan batu laterit sebagai bahan binaan utama, Candi Sungai Bujang (Tapak 10) menggunakan batu sungai dan batu-bata sebagai bahan binaan utama, Candi Bukit Gajah Mati (Tapak 7) menggunakan batu laterit dan bata sebagai bahan binaan utama dan Candi Kampung Sungai Mas (Tapak 32) yang pada peringkat awal menggunakan batu laterit dan batu sabak sebagai bahan binaan utama. Tapak-tapak candi yang lain di Lembah Bujang telah menggunakan bata sebagai bahan binaan utama, contohnya Candi Pengkalan Bujang (Tapak 18, Tapak 19, Tapak 20, Tapak 21, Tapak 22 dan Tapak 23) dan Candi Bukit Pendiak (Tapak 17).

## 6.0 Candi di Kedah Tua dan Pentarikannya

Kebanyakan candi di Lembah Bujang tinggalan Kerajaan Kedah Tua telah ditemukan semasa kerja-kerja ekskavasi yang dijalankan oleh Quaritch-Wales sejak tahun 1936 hingga 1937 yang telah membongkar sebanyak lebih kurang 30 buah tapak di sekitar Lembah Bujang (Quaritch-Wales 1940: 1-11). Sukar untuk menentukan berapa banyak tapak arkeologi yang dijumpai sehingga kini tetapi lebih daripada 60 buah tapak arkeologi dijumpai di Lembah Bujang. Kebanyakan candi yang dijumpai di Lembah Bujang telah musnah akibat daripada kegiatan pertanian manakala candi yang terdapat di tebing sungai musnah akibat runtuh dan masuk ke dalam sungai. Jabatan Muzium dan Antikuiti (Selepas 2005 dikenali dengan nama Jabatan Muzium Malaysia) telah berjaya membina semula lapan buah candi, iaitu Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8), Candi Pengkalan Bujang (Tapak 19), Candi Pengkalan Bujang (Tapak 21 & 22), Candi Sungai Batu (Tapak 5 dan Tapak 11 dan 11/3), Candi Kampung Pendiak (Tapak 16) dan Candi Bendang Dalam (Tapak 50).

Candi yang berjaya diekskavasi dan dibiarkan secara *in situ* ialah Candi Bukit Pendiak (Tapak 17), Tapak 23 (Candi Pengkalan Bujang), Tapak 31 (Kampung Pengkalan Pasir), Tapak 32 (Kampung Sungai Mas) dan Tapak 33 (Kampung Sungai Mas). Dari aspek pentarikhkan tapak-tapak candi di Lembah Bujang, kebanyakan penyelidik menggunakan kaedah pentarikhkan relatif. Pentarikhkan relatif dibuat berdasarkan jumpaan seperti inskripsi, arca agama (berdasarkan gaya arca) dan jumpaan seramik perdagangan yang berasosiasi dengan struktur candi. Dari aspek saiz bata yang digunakan sebagai bahan binaan utama candi, didapati bahawa bata yang bersaiz kecil dan nipis dihasilkan pada selepas abad ke-10, manakala bata yang bersaiz besar pula dihasilkan sebelum abad ke-10. Aspek ini apabila dikaji dan diberikan perhatian, turut berlaku sama ada di Lembah Bujang, Sumatera dan juga Jawa. Lazimnya kaedah pentarikhkan relatif memberikan tarikh pada julat yang agak besar, iaitu antara 200 tahun hingga 300 tahun.

Pentarikhkan mutlak atau kronometrik juga dijalankan untuk menentukan usia candi tersebut. Pentarikhkan mutlak pernah dijalankan ke atas tapak Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8) apabila raksa yang ditemukan dalam relikuari, dijalankan analisis pentarikhkan mutlak dan hasilnya tapak tersebut dicadangkan dibina pada abad ke-12 hingga abad ke-13 (Treloar dan Fabris, 1975: 74-77). Namun pentarikhkan relatif yang diberikan terhadap tapak ini berdasarkan aksara yang terdapat pada kepingan emas menunjukkan aksara abad kesembilan (Lamb 1961: 1-9; Bosch 1961). Kebanyakan tapak lain di Kedah Tua diberikan pentarikhkan relatif sahaja tanpa menjalankan analisis kronometrik.

Dalam membincangkan pentarikan tapak-tapak candi di Lembah Bujang, beberapa persoalan yang kadangkala menjadi perdebatan hangat timbul, iaitu kaedah yang paling tepat dan relevan. Adakah pentarikan kronometrik yang saintifik sesuai digunakan? Atau adakah sesuai digunakan kaedah pentarikan relatif yang sudah pun diguna pakai sejak dahulu dan masih relevan? Kaedah pentarikan mutlak jika melibatkan tapak prasejarah tidak menimbulkan masalah tetapi menjadi masalah kepada tapak-tapak protosejarah yang berusia antara 1000 hingga 1600 tahun. Jika penyelidikan itu hanya menjurus kepada pentarikan mutlak tanpa mengambil kira jumpaan-jumpaan seperti inskripsi dan seramik perdagangan yang berasosiasi dengan struktur candi maka berkemungkinan data yang diberikan adalah kurang tepat.

Penyelidikan arkeologi di satu kawasan yang dinamakan Sungai Batu telah menemukan satu struktur yang diperbuat daripada bata yang dipercayai sebagai sebuah stupa. Sekumpulan ahli arkeologi dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjalankan penyelidikan dan pentarikan tapak yang telah diberikan ialah 110 Masihi dan ini merupakan hasil daripada pentarikan yang menggunakan Teknik Pendar Kilau Rangsangan Optik (OSL). Penyelidik USM telah mengisytiharkan bahawa tapak Sungai Batu merupakan tapak tertua di Asia Tenggara berdasarkan pentarikan mutlak yang dianggap saintifik dan tidak boleh disanggah. Dalam konteks ini, jumpaan-jumpaan artifak yang berasosiasi dengan jumpaan struktur tersebut seperti inskripsi yang tercatat mantera Buddha dan seramik perdagangan Dinasti Sung tidak digunakan. Dari segi binaan candi dan saiz bata candi, menunjukkan persamaan dengan Candi Pengkalan Bujang (Tapak 21, 22 dan Tapak 19) yang telah diberikan pentarikan relatif antara abad ke-11 hingga abad ke-13.

Bata yang digunakan untuk membina candi di Sungai Batu adalah lebih kecil dan mempunyai saiz yang hampir sama antara satu sama lain. Penelitian terhadap candi di Lembah Bujang menunjukkan bahawa candi yang dibina dengan menggunakan bata yang bersaiz kecil boleh diberikan pentarikan selepas abad ke-10. Kajian arkeologi di Sungai Batu ini lebih cenderung untuk memperoleh tarikh yang paling lama tanpa mengambil kira jumpaan-jumpaan arkeologi yang lain terutamanya jumpaan arkeologi di Kampung Sungai Mas yang menemukan jumpaan inskripsi seperti Inskripsi Sungai Mas 1, Inskripsi Sungai Mas 2, makara, wajah Buddha daripada batu syal, beribu-ribu jumpaan manik dan seramik perdagangan yang menunjukkan Sungai Mas sebagai pusat pemerintahan dan perdagangan awal Kerajaan Kedah Tua.

Kajian arkeologi di Sungai Mas juga telah menggunakan pendekatan pentarikan kronometrik. Pentarikan radiokarbon  $C^{14}$  menunjukkan bahawa arang yang berasosiasi dengan bata candi yang berada di luar konteks menunjukkan pentarikan  $1720 \pm 50$  BP, manakala lapisan budaya pracandi yang dijumpai banyak tembikar tanah dan tiang-tiang rumah daripada batang kayu menunjukkan pentarikan  $1810 \pm 50$  BP (Beta 229409). Walau bagaimanapun, apabila dikaji dalam konteks struktur candi yang sedia ada dengan jumpaan-jumpaan artifak yang berasosiasi dengan candi menunjukkan bahawa Candi Sungai Mas (Tapak 32/34) hanya boleh diberikan pentarikan pada abad kelima atau keenam berdasarkan aksara di Inskripsi Sungai Mas 1 dan wajah Buddha yang mempunyai gaya era Gupta.

Kajian arkeologi di Sungai Mas agak kompleks apabila ada bukti yang menunjukkan bahawa terdapat dua tahap pembinaan candi di tapak yang sama. Pada tahap awal dipercayai abad kelima, pembinaan candi menggunakan bahan binaan seperti batu laterit, batu lumpur dan batu sabak. Tahap kedua pembinaan, iaitu dipercayai abad keenam atau ketujuh, candi ini dinaiktarafkan dengan menggunakan bahan binaan seperti bata dan batuan granit. Pentarikan relatif ini dibuat berdasarkan jumpaan Inskripsi Sungai Mas 2 yang berdasarkan aksaranya dipahat pada abad keenam atau ketujuh dan juga berdasarkan lapisan stratigrafi Inskripsi Sungai Mas 2 yang sezaman dengan struktur candi yang dibina menggunakan bata.

Sekiranya hendak menggunakan tarikh yang lebih lama maka kita boleh menggunakan tarikh yang diperoleh berdasarkan pentarikhkan relatif, tetapi jika kita melihat konteks struktur candi dengan jumpaan-jumpaan arkeologi maka difikirkan bahawa pentarikhkan relatif lebih sesuai digunakan untuk mentarikhkan tapak Candi Sungai Mas (Tapak 32/34). Berdasarkan pentarikhkan relatif yang dibuat berdasarkan aksara pada inskripsi, gaya pada arca yang ditemukan, perbandingan struktur candi dan taburan seramik asing di tapak kajian, dapat ditentukan bahawa struktur binaan candi berunsur Buddha didapati merupakan candi yang lebih awal dibina berbanding dengan candi berunsur Hindu. Candi Bukit Choras (Tapak 1) dan Candi Sungai Mas (Tapak 32/34) merupakan dua candi Buddha yang terawal, iaitu dibina pada abad keempat hingga abad kelima berdasarkan jumpaan inskripsi. Candi berunsur Hindu banyak dibina pada abad kesembilan dan berterusan hingga abad ke-14. Walau bagaimanapun, pentarikhkan relatif bukan sesuatu pernyataan yang mutlak dan boleh ditafsirkan semula jika bukti baharu berupa artifak dijumpai.

## 7.0 Tapak-tapak Baru Zaman Protosejarah di Kedah

Beberapa tapak baru telah ditemui di Kedah seiring dengan perkembangan penyelidikan arkeologi itu sendiri dan tapak baru ini amat penting dalam menunjukkan perkembangan masyarakat pada zaman protosejarah. Antara tapak baru yang terkenal ialah jumpaan tapak di Sungai Batu yang merupakan anak sungai yang menghubungkan Sungai Merbok. Jumpaan meliputi monumen candi dan kompleksnya yang besar dan juga tapak relau besi yang menonjolkan kearifan tempatan dalam teknologi melebur besi yang bermula sejak abad ke-2 Masihi ataupun lebih awal. Selain jumpaan relau besi di Sungai Batu, relau pembakaran juga ditemui di lembangan Sungai Muda iaitu jumpaan di sekitar kawasan Jeniang. Relau ini dijumpai di Kampung Gading, Kampung Chemara dan Kampung Sungai Perahu. Antara artifak yang ditemui termasuklah sanga besi dan tembikar tanah (Muhammad Termizi Hasni 2017: 51). Pentarikhkan kronometrik untuk tapak relau besi di Kampung Gading ialah sekitar abad ke-4 hingga abad ke-13 Masihi manakala pentarikhkan kronometrik relau di Kampung Chemara ialah sekitar abad ke-5 hingga abad ke-11 Masihi (Faramasrine Mat Nawi 2011).

Selain tapak di Sungai Batu, beberapa tapak candi juga telah ditemui di Kampung Bukit dan tapak ini dikenali sebagai Candi Bukit Kechil. Candi ini berorientasikan arah utara-selatan dengan bahagian luar tembok berbentuk bulatan. Ekskavasi telah dijalankan pada tahun 2007 oleh penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang mana pada ketika itu ekskavasi secara meluas dijalankan di Kedah (Zuliskandar Ramli 2012: 146-148). Jumpaan tapak yang didirikan menggunakan batu juga telah ditemui di Kampung Pasir, Merbok Kedah. Walau bagaimanapun, fungsi tapak ini tidak jelas sama ada berfungsi sebagai candi atau mempunyai fungsi yang lain. Ini kerana tapak ini telahpun musnah teruk akibat daripada aktiviti pertanian atau pembangunan.

Penemuan tapak ini penting dalam rangka melihat taburan monumen yang dibina menggunakan bata di zaman Kedah Tua yang mana kawasan Kampung Pasir ini terletak di luar kawasan taburan tapak yang tinggi iaitu di Sungai Merbok Kechil, Sungai Bujang dan Sungai Batu. Berdasarkan saiz bata, tapak ini berkemungkinan dibina pada abad ke-9 atau 10 Masihi tetapi berdasarkan jumpaan seramik tapak ini dipercayai dibina pada abad ke-13 atau 14 Masihi (Zuliskandar Ramli 2012: 153-154). Di Pengkalan Bujang, sebuah lagi tapak yang dipercayai berfungsi sebagai sebuah candi telah ditemui dan diekskavasi pada tahun 2008 oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tapak ini dinamakan Tapak 2211 berdasarkan kepada lokasi di mana letaknya candi tersebut iaitu di Lot 2211. Candi ini berbentuk segi empat tepat dan berorientasikan arah utara-selatan. Maka dengan itu candi ini berkemungkinan besar berunsur agama Buddha berdasarkan kepada orientasi arahnya. Ekskavasi juga mendedahkan banyak jumpaan artifak terutamanya seramik dari Dinasti Song, China seperti tempayan raksa, mangkuk celadon dan juga Qing Pai yang mana artifak ini dihasilkan antara

abad ke-10 hingga 13 Masihi. Berdasarkan kepada saiz bata dan jumpaan seramik, pentarikhan relatif bagi tapak ini adalah antara 10-11 Masihi (Zuliskandar Ramli 2012: 157)

Sebuah lagi struktur candi telah ditemui berhampiran dengan tebing Sungai Muda yang mana candi ini diperbuat daripada batu bata sepenuhnya. Tapak ini dinamakan Candi Kampung Baru berdasarkan kepada lokasinya yang terletak dalam tanah perkuburan lama Kampung Baru. Projek tembatan banjir Kuala Muda menyebabkan kebanyakan rumah di Kampung Baru telah dipindahkan ke tempat lain. Selain daripada jumpaan strukturnya, ditemui juga dua buah pelapik arca yang diperbuat daripada batu granit. Candi ini berorientasikan arah utara-selatan dan dipercayai bahawa candi ini berunsur agama Buddha. Candi ini telah mula diekskavasi oleh sepasukan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia sejak tahun 2015 dan sejak itu pelbagai jumpaan artifak telah ditemui berhampiran dengan struktur dinding sebelah luar candi ini.

Walau bagaimanapun, bukan semua artifak yang ditemui berasosiasi dengan candi ini. Ini adalah kerana Sungai Mas pernah menjadi pelabuhan emtrepot sejak abad ke-6 hingga 14 Masihi maka artifak yang dijumpai terlalu banyak. Antara artifak yang banyak ditemui ialah tembikar tanah tempatan, seramik Parsi, seramik China Dinasti Tang, Dinasti Song, Dinasti Ming dan Dinasti Ching, seramik Vietnam, pecahan kaca Timur Tengah, peralatan besi, manik kaca dan manik batu separa berharga. Dipercayai candi ini dibina antara abad ke-9 hingga 10 Masihi berdasarkan kepada pentarikhan relatif. Seni bina yang ditampilkan juga agak unik dan hampir sama dengan seni bina candi di Alam Melayu yang lain (Rujuk Foto 1).



**Foto 1:** Struktur bahagian utara Candi Kampung Baru.

## 8.0 Evolusi Kebudayaan Masyarakat Kedah Tua

Perkataan budaya atau kebudayaan itu sendiri berasal dari bahasa Sanskrit iaitu buddhaya, yang merupakan bentuk jamak dari kata buddhi (budi atau akal) yang boleh diertikan sebagai hal-hal yang berkaitan dengan budi dan akal manusia. Budaya ialah satu tatacara hidup yang berkembang dan dimiliki oleh satu kelompok manusia atau masyarakat dan diwarisi dari satu generasi ke generasi. Budaya terbentuk dari banyak unsur yang kompleks, dan ianya termasuk sistem agama dan politik, adat istiadat, bahasa, perkakas, pakaian, bangunan, dan karya seni. Bahasa, sebagaimana juga budaya, merupakan bahagian tidak terpisah daripada diri manusia sehingga banyak yang cenderung menganggapnya diwariskan secara genetik.

Dalam konteks evolusi kebudayaan di Kedah Tua, teori yang dikemukakan oleh Coedés terutamanya Teori Indianisasi tidak menjadi pegangan dalam penulisan ini kerana jika dilihat kepada pengaruh kebudayaan India itu tidak masuk secara keseluruhan. Proses yang terjadi di Kedah Tua dan kerajaan-kerajaan Melayu awal di Asia Tenggara lebih kepada proses akulturasi budaya India. Akulturasi secara

amnya bermaksud penyerapan unsur-unsur kebudayaan daripada satu budaya ke budaya yang lain di mana selagi sesuatu kebudayaan itu bertembung dengan satu kebudayaan yang lain maka selagi itulah proses akulturasi dan asimilasi akan berlaku.

Akulturasi adalah suatu bentuk proses sosial yang timbul ketika suatu kelompok manusia atau masyarakat dengan kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur daripada suatu kebudayaan asing. Kebudayaan asing itu lambat laun diterima dan diolah ke dalam kebudayaannya sendiri tanpa menyebabkan hilangnya unsur kebudayaan kelompok manusia atau masyarakat tersebut. Berbeza dengan proses asimilasi, proses akulturasi tidak menyebabkan kehilangan identiti asal masyarakat penerima. Proses akulturasi budaya India dalam masyarakat di Kedah Tua dipercayai sudah bermula sejak abad sebelum Masihi lagi iaitu ketika pedagang-pedagang dari India tiba di Nusantara iaitu paling awal pada tahun 500 SM berdasarkan jumpaan manik di tapak Zaman Logam.

Proses ini menjadi matang pada abad ke-4 Masihi apabila wujudnya sebuah kerajaan Melayu yang diketuai oleh seorang raja dan memerintah Kedah Tua. Proses transformasi ilmu masyarakat tempatan juga membantu proses akulturasi ini. Proses akulturasi dan asimilasi masyarakat di Kedah Tua dan Nusantara telah banyak diperdebatkan sebelum ini dalam untuk mengetengahkan unsur tempatan dalam Zaman Protosejarah antaranya ialah proses Indianisasi (Coedès 1968: 14; Hall 1985: 5), Teori Pemperibumian Budaya India (Nik Hassan 2002: 7-11) dan peranan '*local genius*' dalam pembangunan sosio-budaya dari India yang melibatkan akulturasi budaya (Allen 1998: 261-289; Bosch 1930: 133-167; Lamb 1961: 1-9; Supian Sabtu 2002: 140-148).

Proses akulturasi budaya India sebelum ini telah dibincangkan oleh kebanyakan sarjana yang terlibat dalam penyelidikan sejarah klasik di Asia Tenggara. Pendapat yang ekstrem telah dikemukakan oleh Quaritch-Wales tentang perkara ini adalah berdasarkan Teori Kolonisasi yang telah dikemukakan oleh beliau (Quaritch-Wales 1940: 1-11). Pengikut teori ini bukan sahaja menganggap Kedah Tua sebagai sebuah kerajaan di bawah koloni India tetapi merangkumi semua kerajaan-kerajaan awal yang berunsur Buddha atau Hindu yang wujud di Asia Tenggara yang mereka anggap sebagai koloni Hindu (Majumdar 1944, Nilakanta 1949). Semua anggapan ini adalah berdasarkan kepada jumpaan struktur yang berupa candi dan arca agama yang mereka percaya mempunyai unsur India yang kuat yang bermula sejak Zaman Amaravati lagi iaitu kira-kira abad pertama Masihi.

Teori Indianisasi pula telah dipopularkan oleh Coedès yang mana pandangannya lebih sederhana tetapi masih menganggap bahawa orang India yang terdiri daripada para Brahman dan pedagang memainkan peranan yang lebih penting dalam proses akulturasi budaya India ini. Konsep Indianisasi ini adalah berdasarkan pengembangan budaya yang dianjurkan atau diasaskan atas konsep beraja dari India, dicirikan oleh amalan pemujaan berasaskan agama Hindu atau Buddha, mitologi daripada teks kesusasteraan Purana dan pemeliharaan Dharmasastras, serta ungkapan nilai budaya tersebut dalam bahasa Sanskrit. Proses Indianisasi ini dinilai berdasarkan kepada teks kesusasteraan India seperti teks Arthaśāstra, Jātakas (cerita tentang pelayaran), Rāmāyana (menceritakan tentang Jawa dan Sumatera) dan Niddesa, teks Pali yang bertarikh pada abad pertama Masihi. Selain itu jumpaan candi dan arca Buddha atau Hindu dijadikan bukti berlakunya proses Indianisasi ini di Asia Tenggara (Coedès 1968: 17). Idea yang sama juga diguna-pakai oleh Hall (1955) dalam membahaskan tentang penyebaran budaya India ke Asia Tenggara (Hall 1955: 5-10).

Van Leur (1955: 89-99) dan Bosch (1930: 133-167) telah menolak Teori Indianisasi ini dan lebih cenderung untuk melihat peranan besar yang dimainkan oleh pedagang dan pemerintah Melayu dalam proses akulturasi budaya India. Pedagang Melayu dengan menggunakan kapal yang besar telah pun biasa dengan pelabuhan-pelabuhan di India sejak abad pertama Masihi lagi (Miksic 1998: 74-89), maka peranan mereka untuk menjemput para Brahman ke Asia Tenggara atas permintaan pemerintah

tempatan perlu di ambil kira. Juga peranan mubaligh dari Nusantara merantau ke India untuk mendalami ajaran Buddha atau Hindu dan kemudiannya balik menyebarkan ajaran tersebut kepada masyarakat tempatan terutamanya golongan atasan. Amat jelas ketika abad ke-7 Masihi, Palembang, Molayu (Jambi) dan Chieh Cha pula menjadi tempat persinggahan kepada mubaligh dari China untuk mempelajari bahasa Sanskrit sebelum meneruskan perjalanan ke Nalanda India seperti yang tercatat dalam catatan I-Ching (Wheatley 1961: 42).

Seni bina dan seni tampak di Nusantara juga menunjukkan identiti tempatan dan tidak sama seperti yang terdapat di India. Walaupun dalam bentuk asasnya adalah sama tetapi elemen tempatan tetap diterapkan dalam pembinaan candi di Nusantara kerana arkitek tempatan sudah mahir dan menguasai kitab *śilpaśastra* (Bosch 1930: 133-167). Elemen tempatan lain yang dimasukkan dalam pembinaan candi ialah penggunaan relikuari dan peripih dan unsur ini hanya terdapat pada candi di Nusantara (Lamb 1961: 1-9; Soekmono 1973: 73). Bukti ini dapat menolak sesetengah pendapat daripada sarjana Barat yang menyatakan bahawa petempatan kerajaan awal di Nusantara telah diasaskan oleh pedagang India dan hipotesis ini juga digunakan dalam kes di Lembah Bujang, Kedah (Sullivan 1958: 188 – 219; Wheatley 1961: 186; Jacq-Hergoualc'h 1992: 18-22).

Dalam memperlihatkan unsur tempatan yang wujud dalam seni bina candi di Lembah Bujang, Lamb (1961: 1-9) telah memberikan beberapa unsur dalam seni bina candi yang beliau sifatkan sebagai unsur tempatan. Antara unsur tersebut ialah penggunaan asas pelapik tiang, tiang kayu dan atap daripada daun nipah atau ada yang menggunakan atap genting. Elemen tersebut juga dikaitkan sebagai salah satu unsur tempatan dalam pembinaan candi di Lembah Bujang oleh penyelidik tempatan (Nik Hassan & Othman Mohd Yatim 1992: 19-52) dan ada yang membuat kaitan dengan seni arca yang kasar dan kesalahan pahatan dalam langgam arca tersebut yang menunjukkan ia diukir oleh pemahat yang tidak mahir dan berkemungkinan orang tempatan (Supian Sabtu 2002: 86).

Berdasarkan penyelidikan arkeologi terbaru di Sungai Mas, beberapa data baru yang boleh dikaitkan dengan unsur tempatan ialah jumpaan tempayan dan makara yang diperbuat daripada batu granit yang menunjukkan unsur seni ukir masyarakat Melayu Kedah Tua. Jika dibuat perbandingan dengan Sumatera dan Jawa, maka kita boleh melihat ada perbezaan daripada seni ukir batu yang ada pada makara kerana di Kedah, Sumatera dan Jawa mempunyai identiti mereka sendiri dan setiap elemen penting yang sepatutnya terdapat pada makara diolah oleh kepandaian mereka sendiri. Tempayan pula dikaitkan dengan unsur tempayan di rumah tradisional Melayu di mana ia digunakan sebagai tempat menyimpan air untuk digunakan semasa hendak membasuh kaki sebelum naik ke rumah.

Transformasi ilmu dalam masyarakat Kedah Tua dapat dilihat kepada penggunaan bahasa Sanskrit dalam inskripsi yang telah dijumpai di Lembah Bujang. Inskripsi tersebut bertarikh antara abad ke-4 hingga ke-7 Masihi dan secara tidak langsung menunjukkan tahap penguasaan bahasa Sanskrit dengan aksara Pallava pada abad ke-4 Masihi ataupun lebih awal. Dengan menguasai bahasa Sanskrit maka Kitab *śilpaśastra* dapat difahami dan dikuasai oleh arkitek tempatan yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan dalam pembinaan candi dan arca agama di Lembah Bujang. Pada tahap awal pembinaan candi, batuan semulajadi digunakan sebagai bahan binaan utama candi dan jelas pada ketika itu mereka sudah pun mahir dalam teknik memotong batu yang besar untuk dijadikan blok batu yang lebih kecil.

Satu inovasi dalam pembinaan candi di Lembah Bujang ialah penggunaan asas pelapik tiang dan tiang kayu yang berfungsi untuk menyokong bahagian atap. Asas pelapik tiang ini digunakan pada kebanyakan candi yang dibina oleh masyarakat tempatan di Lembah Bujang. Dalam konteks kepercayaan, masyarakat awal Kedah Tua sudah semestinya mengamalkan amalan anamisme pada awalnya sebelum mereka menerima ajaran Buddha dan kemudian Hindu dan akhirnya Islam. Bukti

peninggalan yang berkaitan dengan Buddha dan Hindu ini banyak dijumpai di Kedah tetapi bukti yang menunjukkan masyarakat awal Kedah Tua mengamalkan animisme itu tidak dijumpai terutamanya yang melibatkan tapak pengebumian masyarakat tersebut.

Animisme ini sering dikaitkan dengan masyarakat prasejarah yang menetap di Guar Kepah dan kawasan di pedalaman Kedah terutamanya di daerah Baling dan juga di Kodiang. Sehingga bila amalan animisme ini diamalkan oleh masyarakat awal Kedah Tua tidak dapat dipastikan dengan tepat tetapi jelas amalan ajaran Buddha dan Hindu berlaku di Kedah seawal abad ke-4 Masihi hingga abad ke-12 atau 13 Masihi. Walaupun pedagang Islam sudah hadir di pelabuhan Kedah Tua sejak abad ke-8 Masihi lagi, ajaran Islam diterima hanya pada abad ke-15 Masihi apabila Raja Mudzafar Shah I memeluk Islam dan menjadi sultan yang pertama pada tahun 1474. Walaupun terdapat jumpaan batu nisan Aceh di Langgar, Kedah yang tertulis nama Syeikh Abdul Qadir ibn Husain Syah yang tarikh kematiannya ditulis 291 Hijrah/903 Masihi menunjukkan tinggalan atau kesan pengaruh Islam di Kedah yang lebih awal tetapi tinggalan ini belum jelas menunjukkan bahawa pemerintah dan masyarakat di Kedah telah menerima Islam pada masa itu.

## 9.0 Kemunculan Pelabuhan Entrepot Di Lembah Bujang

Nik Hassan Shuhaimi telah membahagikan Kedah Tua kepada dua fasa utama di mana fasa pertama melibatkan perkembangan agama Buddha yang berpusat di Sungai Mas bermula pada kurun ke-5 hingga ke-10 Masihi. Pentakrifan ini dibuat berdasarkan kepada penemuan beberapa prasasti Buddha yang ditemui. Penemuan prasasti tersebut telah menyimpulkan bahawa perhubungan dengan India sebenarnya telah berlaku sejak kurun ke-5 atau ke-6 Masihi dan hasilnya telah mempercepat perkembangan agama Buddha di Sungai Mas (Nik Hassan Shuhaimi & Othman Yatim 1992). Berdasarkan kepada jumpaan arca Buddha dari tapak 16A, pecahan arca kepala Buddha, arca Hariti dan tinggalan candi Buddha (Michel Jacq 2002) telah memberikan interpretasi bahawa Sungai Mas merupakan pusat kerajaan dan pelabuhan entrepot yang terawal di Kedah Tua yang berlarutan dari kurun ke-5 hingga ke-10 Masihi.

Bermula dari kurun ke-10 hingga kurun ke-13 Masihi iaitu dalam fasa kedua pula menyaksikan pusat perdagangan Kedah Tua mula beralih ke Pengkalan Bujang yang terletak di laluan Sungai Bujang (Nik Hassan Shuhaimi 1984). Pandangan ini dibuat berdasarkan kepada penemuan di sekitar kawasan Sungai Bujang, Sungai Batu, Kampung Pendi dan kawasan sekitarnya berupa candi-candi Hindu-Buddha, longgokan seramik, arca dan manik. Pada ketika ini, agama Hindu Shiva sangat dominan di Pengkalan Bujang. Namun begitu, Pengkalan Bujang dikatakan mulai merosot pada kurun ke-13 Masihi selepas berlakunya penapakan Islam di Asia Tenggara.

## 10.0 Pelabuhan Entrepot dan Perdagangan Di Sungai Mas dan Guar Kepah

Kegemilangan Sungai Mas yang bermula pada kurun ke-5 Masihi berlaku disebabkan oleh faktor perdagangan yang rancak berlaku antara timur dan barat. Perdagangan di Nusantara sebenarnya telah bermula seawal zaman prasejarah lagi semenjak 8000 tahun yang lalu dan menjadi aktif sekitar 5000 tahun dahulu. Hal ini dibuktikan berdasarkan kepada tinggalan-tinggalan arkeologi yang terkumpul sejak 160 tahun yang lepas seperti penemuan kulit siput jenis marin yang dijumpai di tapak prasejarah Gunung Cheroh (Perak), Bukit Chuping (Perlis), Bukit Chintamani (Pahang) Gol Bait dan Gua Kerbau di Perak (Nik Hassan Shuhaimi 2002, 2004) dan Gua Angin di Pahang.

Permulaan perdagangan di Sungai Mas sebenarnya telah bermula dari masyarakat Guar Kepah yang berevolusi dari zaman prasejarah ke zaman protosejarah. Pembuktian Sungai Mas sebagai sebuah pusat pelabuhan dan pemerintahan terawal di Lembah Bujang akan dibuktikan berdasarkan kepada data arkeologi yang telah ditemui dan dianalisis. Data yang dianalisis meliputi data seramik, data

tembikar tanah, data bata, data manik dan jumpaan makara yang akan dijadikan bukti dalam menghujah peranan Sungai Mas sebagai pusat pelabuhan dan pemerintahan terawal di Sungai Mas. Jumpaan arkeologi yang ditemui dalam penyelidikan terkini yang dijalankan di Sungai Mas pada tahun 2006 hingga 2007 akan diberikan penumpuan. Namun begitu, data yang ditemui dalam penyelidikan yang sebelumnya akan dijadikan penanda aras utama dalam penulisan ini.

Menurut Nik Hassan Shuhaimi, Kedah Tua telah berevolusi dari sebuah petempatan kecil di Sungai Mas yang telah bermula sejak zaman prasejarah (Kamarudin Zakaria 2004). Permulaan Sungai Mas dari petempatan kecil berkembang menjadi pusat pengumpulan komoditi perdagangan dikatakan bersusur galur dari masyarakat prasejarah Guar Kepah. Petempatan prasejarah itu juga berevolusi menjadi satu corak kerajaan awal yang seterusnya berkembang menjadi tempat persinggahan kapal-kapal dagang dari India (Nik Hassan Shuhaimi 2002). Penemuan awal iaitu longgokan kulit kerang menunjukkan bahawa petempatan masyarakat adalah terdiri daripada masyarakat pesisir pantai yang bergantung hidup kepada hasil-hasil laut.

Kemajuan masyarakat Guar Kepah dapat dibuktikan dengan adanya jumpaan artifak penting seperti penemuan pecahan tembikar tanah, alat batu, jumpaan kulit kerang dan tulang manusia yang turut ditemui. Berdasarkan kepada 121 tembikar yang telah dijumpai, sebanyak 118 merupakan jumpaan tembikar tanah manakala sebanyak 3 keping adalah tembikar batu. Ada pecahan tembikar yang ditemui telah disahkan berada bersama timbunan cengkerang, ada yang mempunyai perhiasan di badan tembikar dan berwarna kemerahan (Foo Shu Tieng 2010).

Menurut Van Stein Callenfels (1935), alat batu yang ditemui termasuklah alat batu Haobinhian dan Neolitik. Kebanyakan alat batu yang ditemui di Guar Kepah terdiri daripada batuan jenis *hornfels*, *shale*, *schist*, *hornblend schist*, *metamorphosed calcareous shale*, *hematite* dan *micropegmatite*. Jenis-jenis batuan ini telah dikenalpasti dan ianya mudah diperolehi di kawasan sekitar Gunung Jerai. Jumpaan tembikar yang mempunyai jenis batuan yang terdapat di sekitar Gunung Jerai juga menunjukkan masyarakat ini mula berasosiasi dengan masyarakat Lembah Bujang. Ini menguatkan lagi bukti bahawa masyarakat ini bersusur galur dengan masyarakat di Sungai Mas berdasarkan kepada jumpaan tembikar tanah yang turut ditemui di Sungai Mas.

Permulaan masyarakat Guar Kepah yang hidup berpindah-randah dan lama-kelamaan memilih untuk menetap berlaku apabila mereka mula mengamalkan aktiviti bercucuk-tanam, penciptaan perahu dan kapal (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi 2012). Aktiviti perdagangan kecil yang berlaku antara masyarakat pesisir dan pendalaman menggunakan laluan Sungai Muda juga telah membawa kepada munculnya perdagangan antarabangsa antara Sungai Mas dengan pedagang dari India, China dan Timur Tengah yang menyebabkan pelabuhan ini menjadi besar dan seterusnya berkembang menjadi pelabuhan entrepot.

### 11.0 Kepelbagaian Seramik Asing di Kedah Tua

Kawasan Kampung Sungai Mas merupakan kawasan pesisir pantai yang terdedah kepada laut. Kelebihan strategik kawasan ini menjadikannya sebagai kawasan yang mudah untuk didatangi oleh pedagang dan mudah bertindak sebagai sebuah pelabuhan. Berdasarkan kajian yang dilakukan bermula dari awal tahun 1980-an hingga kajian terkini yang berlaku pada tahun 2007, terdapat penemuan arkeologi berbentuk longgokan seramik, serpihan seramik, manik dan kaca dalam jumlah yang sangat besar. Penemuan seramik yang berasal-usul dari pelbagai kawasan di dunia menjadikan kawasan ini sebagai satu kawasan yang berkepentingan sebagai sebuah pelabuhan entrepot.

Berdasarkan kepada jumpaan seramik di Sungai Mas, Sungai Mas diandaikan sebagai tapak tertua berbanding Pengkalan Bujang. Hal ini terbukti dengan adanya penemuan tembikar China dari Dinasti

Tang (681-960 A.D), Dinasti Sung (960-1279 A.D), Dinasti Ming (1368-1644 A.D) dan Dinasti Ching (1644-1912). Kehadiran seramik pada Dinasti Ming, Dinasti Ching dan Belanda menunjukkan bahawa pelabuhan Sungai Mas masih menjalankan perdagangan sehingga abad ke-17 hingga ke-18. Seramik asing yang paling banyak dijumpai ialah tembikar tanah, tembikar batu dan porselin. Terdapat juga seramik dari Asia Barat yang turut dijumpai (Farhana Abdullah 2013).

Hasil ekskavasi di Sungai Mas telah dilakukan oleh penyelidik Intra Asean, Allen, Nik Hassan Shuhaimi dan Kamarudin Zakaria. Penyelidikan terkini telah dilakukan pada tahun 2006 hingga 2007 oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tapak candi 32 yang memberi interpretasi terkini terhadap jumpaan seramik asing di Sungai Mas. Ekskavasi yang dijalankan di tapak 32 pada lapisan spit 1 hingga 5 dengan kedalaman sehingga 50 cm telah menemui porselin zaman Ming, Ching dan Belanda yang ditandakan sebagai lapisan zaman sejarah di Kampung Sungai Mas. Pecahan celadon, Ching Pai dan stoneware zaman Sung turut dijumpai dalam kedalaman 50 cm.

Pada lapisan kedua dengan kedalaman bermula 50 cm hingga 150 cm pula mewakili zaman protosejarah di mana aktiviti perdagangan berlaku dengan aktif. Penemuan tembikar tanah, seramik dari Timur Tengah dan seramik dari China zaman Song (960-1279 A.D) berlaku dalam jumlah yang sangat besar (UKM Pakarunding 2008).



**Foto 2:** Pecahan serpihan celadon Song di Sungai Mas  
Sumber: Zuliskandar et al. 2011

Di Sungai Mas, terdapat beberapa serpihan seramik yang berasal dari Dinasti Tang iaitu antara (628-906 Masihi) yang merupakan seramik China zaman awal dan terawal dijumpai. Penemuan seramik jenis ini menandakan bahawa hubungan perdagangan dengan China mulai wujud sejak abad ke-7 lagi. Penemuan seramik ini juga dijumpai di Pengkalan Bujang, namun jumlahnya adalah lebih sedikit berbanding di Sungai Mas. Antara seramik China yang paling banyak ditemui ialah seramik dari zaman Song dan Yuan yang dihasilkan pada pertengahan abad ke-10 hingga pertengahan abad ke-14. Perdagangan maritim Asia telah berkembang pesat pada zaman ini, terutamanya sejak Zaman Song Selatan (1128-1279 A.D). Perkembangan ini telah menyebabkan pertumbuhan beberapa jenis pusat perdagangan di Malaysia seperti yang terdapat di Lembah Bujang. Hal ini menunjukkan bahawa penemuan seramik di Sungai Mas telah bermula dari jumpaan seramik dari Dinasti Tang pada abad ke-7 Masihi dan masih dijumpai lambakan seramik hingga pertengahan abad ke-14.

Jumlah taburan seramik dari abad ke-7 hingga abad ke-10 yang lebih tinggi di Sungai Mas di samping penemuan seramik Dinasti Tang pada ekskavasi pada tahun 2007 menunjukkan bahawa perdagangan di Sungai Mas adalah lebih pesat berbanding di Pengkalan Bujang pada periodisasi tersebut. Pelabuhan di Pengkalan Bujang pula mula pesat pada abad ke-10 hingga abad ke-14 berbanding pelabuhan di Sungai Mas. Rasional pelabuhan Sungai Mas berkembang dengan lebih awal adalah kerana lokasi Sungai Mas yang terletak di muara Sungai Muda menghadap laut lepas adalah lebih sesuai untuk para pedagang singgah sebentar sebelum meneruskan perjalanan. Peningkatan

perdagangan yang mendadak di Sungai Mas sehingga menyukarkan kapal untuk berlabuh berkemungkinan menjadi pencetus kepada perkembangan pelabuhan di Pengkalan Bujang pada abad ke-10 Masihi. Walau bagaimanapun, Sungai Mas masih menjalankan aktiviti perdagangan secara sederhana semasa pelabuhan Pengkalan Bujang mencapai taraf entrepotnya.

## 12.0 Kearifan Tempatan Dalam Penghasilan Tembikar Tanah

Penghasilan tembikar tanah sebenarnya telah wujud sejak zaman prasejarah lagi iaitu pada zaman Neolitik. Ia telah berevolusi sehingga ke zaman moden dengan adanya penambahbaikan dalam mutu pengeluarannya. Tembikar tanah merupakan salah satu jumpaan yang paling banyak ditemui semasa ekskavasi di Sungai Mas dijalankan. Penemuan tembikar tanah di Sungai Mas terdapat dalam pelbagai saiz, corak hiasan, bentuk dan fungsi. Kebanyakan tembikar yang ditemui adalah dalam keadaan serpihan. Namun begitu, terdapat juga jumpaan tembikar dalam keadaan yang hampir siap. Melihat kepada analisis fizikal seperti corak hiasan, warna, kadar suhu pembakaran, bentuk dan fungsi pada serpihan tembikar tanah yang ditemui, kebanyakannya adalah tembikar tempatan.

Berdasarkan kepada ekskavasi yang diketuai oleh Kamarudin Zakaria pada tahun 1992 hingga 1994 sepanjang enam fasa penggalian di tapak 32 di Sungai Mas, terdapat penemuan beribu-ribu serpihan tembikar tanah yang ditemui. Serpihan tembikar tanah ini masih ditemui sehingga kedalaman 110 cm pada tapak 32 iaitu di petak d14. Petak lain turut dijumpai serpihan tembikar tanah namun ianya tidak mencapai sehingga kedalaman 110 cm. Serpihan tembikar ini terdiri daripada dua jenis iaitu yang berhias dan tidak berhias serta corak hiasannya terdiri daripada hiasan pemukul dalam bentuk kesan tali, corak jaring, kesan tika dan kulit siput. Terdapat juga corak silang-menyilang, jalur timbul, corak geometri, jalur selari dan berombak. Selain hiasan pemukul, terdapat juga hiasan goresan/turisan dan cungkulan kuku (Jabatan Muzium dan Antikuiti 1992-1994). Jumpaan tembikar tanah ini memberi satu pemahaman terkini bahawa Sungai Mas merupakan satu kawasan industri pembuatan tembikar yang penting semasa era kegemilangannya.

Hasil daripada ekskavasi terkini di Sungai Mas pada tahun 2006 hingga 2007, terdapat jumpaan tembikar tanah yang hampir siap di petak e14 pada kedalaman 90 cm dari permukaan tanah. Sebanyak 19 biji tembikar tanah telah dijumpai pada kedudukan tersebut yang terdiri daripada jumpaan yang pelbagai saiz dan bentuk (UKM Pakarunding 2008). Dalam pada itu, penelitian terhadap serpihan tembikar tanah turut dilakukan di mana penemuan tembikar tanah yang banyak berlaku pada lapisan pra-candi. Terdapat sebanyak 1209 biji serpihan tembikar tanah yang telah ditemui pada tapak 32 dengan peratusan sebanyak 47.2% daripada jumlah keseluruhan jenis-jenis tembikar yang dijumpai.



**Foto 3:** Tembikar Tanah Tempatan  
Sumber: Nik Hassan Shuhaimi 2008

Pentarikhan mutlak yang dilakukan pada lapisan budaya pra-candi menghasilkan tarikh  $1810 \pm 50$  BP (Beta 229409) (Zuliskandar et al. 2011). Pada lapisan ini juga dijumpai tiang-tiang rumah yang diperbuat daripada batang kayu dan perkara ini menjadi asas kepada kewujudan masyarakat prasejarah akhir di Kampung Sungai Mas. Jumpaan serpihan tembikar pada kuantiti yang sangat besar menunjukkan bahawa masyarakat Sungai Mas pada ketika itu sudah berupaya menghasilkan tembikar tanah sejak awal abad Masihi lagi. Hal ini mengukuhkan lagi bukti bahawa Sungai Mas merupakan kawasan perdagangan yang aktif dan menjadi pelabuhan entrepot penting semasa zaman kegemilangannya.

### 13.0 Kearifan Tempatan Dalam Menghasilkan Bata

Teknologi pembinaan candi di Lembah Bujang dalam dilihat dengan lebih teliti dalam aspek teknologi penggunaan bahan binaannya. Tahap awal pembinaan candi di Lembah Bujang berlaku sekitar abad ke-4 hingga ke-6 Masihi di mana masyarakat di Lembah Bujang menggunakan batuan semula jadi sebagai bahan binaan seperti batu laterit, batu lumpur atau batu sabak. Ianya dapat dilihat pada binaan candi di Sungai Mas (Tapak 32) dan Bukit Choras (Tapak 1). Ekskavasi yang dijalankan oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2006 hingga 2007 telah mendedahkan dua tahap bahan binaan pada candi di Sungai Mas. Tahap pertama candi ini menggunakan batu semula jadi seperti batu laterit, batu lumpur dan batu sabak. Tahap kedua pula candi ini mula dinaik taraf dengan menggunakan bahan binaan seperti batu granit dan bata di mana penggunaan bata semakin meluas bermula sejak abad ke-6 Masihi (Zuliskandar et al. 2012). Penggunaan bata yang semakin berkembang berlaku hasil dari inovasi masyarakat yang mula menguasai teknologi pembuatan bata.

Kajian saintifik telah dilakukan terhadap artifak bata di Kampung Sungai Mas bagi membuktikan bahawa bata yang dihasilkan adalah menggunakan bahan mentah tempatan atau tidak. Analisis komposisi mineral telah dilakukan di mana sebanyak 26 sampel bata telah diambil untuk dianalisis. Hasil analisis yang menemui kehadiran mineral kaolinite, illite dan montmorillonite menunjukkan bahawa sampel ini telah dibakar pada suhu yang rendah secara sengaja atau tidak sengaja. Hal ini demikian kerana suhu pembakaran yang tidak sekata membuktikan bahawa struktur binaan candi di Sungai Mas menggunakan sistem pembakaran secara terbuka tanpa menggunakan relau pembakaran. Pada awalnya, bata-bata yang telah siap dibentuk akan dikeringkan dan kemudiannya bata tadi disusun dan dikumpulkan di satu kawasan. Seterusnya, bata tersebut dibakar menggunakan longgokan kayu yang diletakkan di atas bata tadi. Pembakaran jenis ini akan menyebabkan berlakunya pembakaran secara tidak sama di mana susunan yang paling bawah semestinya tidak akan mengalami pembakaran dengan sepenuhnya. Keadaan ini berbeza dengan pembakaran menggunakan relau yang pastinya suhu pembakaran akan lebih sekata (Zuliskandar et al. 2008).

Analisis terhadap saiz bata juga menunjukkan perbezaan pada tahap-tahap pembinaan candi. Pada tahap awal pembinaan candi iaitu di antara abad ke-6 hingga abad ke-9, saiz bata yang digunakan adalah pelbagai dan lebih besar. Saiz bata pada ketika itu tidak mempunyai piawai tertentu di mana bata yang dihasilkan mempunyai antara lapan hingga sembilan jenis saiz bata. Bata yang paling besar dan berat kebiasaannya dijadikan asas bagi lantai atau dasar sebagai penampung candi. Saiz bata pada binaan candi pada abad ke-10 hingga ke-13 dilihat menggunakan saiz bata yang lebih nipis, bersaiz kecil dan mempunyai piawai tertentu. Cara susunan bata juga adalah lebih sistematik dan tersusun (Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi 2012).

Analisis terhadap sumber tanah liat juga menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada satu sumber tanah liat digunakan untuk membuat bata di Sungai Mas. Satu daripada sumber yang digunakan adalah sumber tempatan dan satu lagi sumber masih tidak dapat dipastikan. Pada peringkat awal, bata-bata ini kemungkinan telah diimport daripada kawasan lain yang lebih maju dan lama-kelamaan ianya dihasilkan sendiri oleh masyarakat tempatan. Hal ini dibuktikan dengan adanya kandungan komposisi

kimia yang sama dengan komposisi kimia di Sungai Mas di mana telah ada tukang bata yang mahir dalam menghasilkan bata dengan sendirinya tanpa membawa bata dari kawasan luar (Zuliskandar 2012). Keadaan ini berlaku hasil dari penghijrahan tukang bata dari luar yang membawa kepakaran mereka sehingga berjaya dipelajari oleh masyarakat tempatan. Proses pembelajaran ini mengambil masa yang lama seiring dengan perkembangan Sungai Mas sebagai pelabuhan utama di Lembah Bujang. Pencapaian hebat masyarakat tempatan dalam penghasilan bata keluaran tempatan menjadi faktor penting kepada keagungan Sungai Mas sebagai pelabuhan entrepot terpenting dan faktor ini juga berjaya meningkatkan perdagangan Sungai Mas dengan kawasan sekitarnya.

#### 14.0 Kearifan Tempatan Dalam Pembuatan Manik Indo-Pasifik

Manik merupakan salah satu jupuan penting yang ditemui di Sungai Mas bagi membuktikan bahawa Sungai Mas sebagai pelabuhan entrepot utama di Kedah Tua sejak awal abad Masihi lagi. Penyelidikan yang dilakukan terhadap jupuan manik di Sungai Mas telah menguatkan peranan Sungai Mas sebagai salah sebuah pusat pengeluaran manik Indo-Pasifik yang dipercayai berlaku abad ke-6 Masihi hingga ke-12 Masihi berpandukan kepada stratigrafi dan lapisan budaya di Sungai Mas (Zuliskandar dan Nik Adzrieman 2012). Ianya dibuktikan lagi melalui penemuan bahan-bahan mentah yang digunakan bagi menghasilkan manik di tapak Sungai Mas dan Pengkalan Bujang.

Kuala Selinsing juga merupakan salah satu pusat penghasilan manik Indo-Pasifik di mana hipotesis menyatakan bahawa pengusaha manik di Lembah Bujang mungkin datangnya dari Kuala Selinsing dan mungkin telah ada pengusaha manik yang menetap di Lembah Bujang. Kebanyakan manik yang dijumpai di Sungai Mas adalah manik kaca monokrom yang dikenali juga sebagai manik Indo-Pasifik. Manik kaca polikrom turut ditemui namun kuantitinya adalah lebih rendah berbanding jupuan manik kaca monokrom. Selain itu, terdapat juga jupuan manik jenis lain seperti manik batu separa berharga dan manik logam iaitu emas (Zuliskandar Ramli & Kamarudin Zakaria 2008b). Penemuan manik kaca polikrom dari Rom yang dikenali sebagai 'eye bead' yang dihasilkan pada abad ke-2 Masihi hingga ke-4 Masihi di Sungai Mas juga menunjukkan bahawa perdagangan manik telah muncul sejak awal lagi.



**Foto 4:** Jupuan Manik di Lembah Bujang

Sumber: Nik Hassan Shuhaimi 2008

Berdasarkan kepada ekskavasi pada tahun 1984 hingga 1994 yang dilakukan oleh Kamarudin Zakaria dan Nik Hassan Shuhaimi, terdapat 10,789 manik telah ditemui pada tapak Sungai Mas (Jabatan Muzium dan Antikuiti 1994). Kebanyakan manik yang dijumpai adalah dari jenis kaca, namun terdapat juga dari jenis batu dan plastik. Begitu juga pada tahun 1999 di mana sebanyak 363 butir manik lagi telah ditemui dan diserahkan oleh penduduk tempatan. Kebanyakannya adalah manik jenis kaca yang dipercayai sebagai manik Indo-Pasifik berdasarkan kepada corak dan warnanya (Muzium Arkeologi Lembah Bujang 1996, 1999).

Hasil ekskavasi pada tahun 2006 hingga 2007 di tapak 32A pada petak c15 yang mencapai kedalaman 200 cm dan petak d14 yang mencapai kedalaman 160 cm pula menemui manik kaca tempatan pada lapisan tapak berkedalaman 50 cm hingga 150 cm. Pada lapisan ini, aktiviti perdagangan di Kedah Tua berjalan dengan sangat aktif. Manik polikrom dan manik batu karnelian pula dijumpai pada kedalaman 100 cm dari permukaan tanah dan manik kaca monokrom banyak dijumpai pada lapisan pertama (0-50 cm) dan kedua (50-150 cm) dari permukaan tanah (UKM Pakarunding 2008). Penemuan beribu-ribu manik kaca monokrom jelas menunjukkan bahawa kuantiti manik kaca Indo-Pasifik adalah sangat tinggi dalam kuantitinya berbanding jenis-jenis manik yang lain. Ini mengukuhkan lagi fakta bahawa Sungai Mas merupakan pusat pengeluaran manik Indo-Pasifik utama dan perdagangan aktif turut berlaku di Sungai Mas.

### 15.0 Jumaan Penting Makara Di Kampung Sungai Mas

Sungai Mas juga terkenal dengan jumaan artifak dari jenis batuan yang mudah didapati di Lembah Bujang. Signifikannya penemuan ini ialah jumaan buat julung kalinya sebuah makara yang berasosiasi dengan pelapik tiang, bendul pintu dari bongkah batu yang besar yang dipercayai menjadi salah satu struktur di bahagian tangga candi. Hal ini menunjukkan pencapaian masyarakat tempatan dalam teknologi memotong batu dan juga ukiran motif seperti yang terdapat pada makara. Dipercayai candi ini adalah candi yang digunakan oleh raja Kedah Tua berdasarkan jumaan makara yang pertama kali ditemui secara *insitu* dan Sungai Mas adalah pusat pemerintahan bagi kerajaan Kedah Tua.

Makara di Kampung Sungai Mas ditemui dalam keadaan *insitu* hasil daripada ekskavasi pada tahun 2007. Makara ini adalah sama dari segi ukiran motifnya dengan makara yang dijumpai di Melaka. Makara Sungai Mas dihiasi dengan ukiran motif seperti belalai gajah, tanduk kerbau, mulut buaya, cakra dan dewa air yang terdapat dalam mulut buaya. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan makara ini juga sama iaitu daripada jenis batu granit. Panjang makara di Kedah adalah lebih kurang 1.2 meter dan mempunyai ketinggian 0.9 meter.



**Foto 5:** No Pendaftaran - SM/KKM/K/01 – Makara  
Sumber: Laporan Ekskavasi di Sungai Mas 2007

Gabungan ukiran pelbagai jenis haiwan yang terdapat pada makara juga memaparkan unsur tempatan kerana mengikut kepada ukiran makara yang terdapat di India, kebiasaannya haiwan yang diukir adalah seperti buaya dan ikan. Hal ini demikian kerana mengikut mitologi Hindu, ukiran makara selalunya diukir dengan adanya seekor hidupan daratan dan seekor hidupan laut. Maka, gabungan ukiran buaya, tanduk kerbau, belalai gajah dan dewa air yang terdapat pada makara di Sungai Mas menunjukkan ianya merupakan idea yang telah dipelbagaikan oleh masyarakat tempatan.

Dalam pada itu, jika dilihat pada sebelah sisi kanan makara, terdapat ukiran yang berbentuk dedaunan manakala di sebelah sisi kiri makara tidak terdapat sebarang ukiran. Keadaan ini menunjukkan makara tersebut diukir oleh juru ukir tempatan kerana pengukir dari India tidak mungkin akan melakukan

kesilapan sebegitu (Nuratikah & Zuliskandar 2017). Kesenian ukiran makara yang dijumpai di Lembah Bujang juga berbeza dengan ukiran makara yang dijumpai di Sumatera, Jawa dan Vietnam (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi 2012). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa aspek seni bina tempatan sudah mula diamalkan oleh masyarakat tempatan di mana mereka mula mencari idea menginovasikan sesuatu benda mengikut persekitaran mereka sendiri.

Jumpaannya di Sungai Mas telah memberikan justifikasi yang tersendiri terhadap sejarah Lembah Bujang. Jumpaan artifak yang mempunyai ciri-ciri seni bina tempatan berjaya membawa Lembah Bujang ke satu tahap tertinggi dalam pencapaian masyarakat melalui sains dan teknologi. Penemuan artifak penting di Sungai Mas telah membuktikan peranan yang dimainkan oleh Sungai Mas sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang terawal berbanding Pengkalan Bujang. Perdagangan kecil yang berevolusi dari masyarakat prasejarah Guar Kepah telah membawa kepada perdagangan yang lebih besar di Sungai Mas. Peranan Sungai Mas sebagai pelabuhan entrepot dibuktikan lagi dengan pelbagai jenis jumpaan terutamanya dari Timur Tengah, India, China dan Asia Tenggara.

Penemuan seramik dari pelbagai kawasan adalah salah satu penemuan bernilai tinggi bagi Sungai Mas. Kewujudan seramik China dari pelbagai kawasan dan dari abad ke-7 hingga abad ke-18 menunjukkan bahawa pelabuhan Sungai Mas masih menjalankan perdagangan yang aktif. Berdasarkan kepada jumpaan seramik dari Dinasti Tang dan jumlah taburan seramik pada abad ke-7 hingga ke-14 yang lebih tinggi berbanding Pengkalan Bujang menunjukkan bahawa pelabuhan Sungai Mas merupakan pelabuhan terawal yang dilawati oleh pedagang luar di Lembah Bujang. Ianya dikukuhkan lagi melalui jumpaan inskripsi kerajaan di Sungai Mas yang sedia wujud sejak abad ke-5 lagi.

Selain jumpaan seramik asing, penemuan tembikar tanah dalam kuantiti yang sangat besar juga mempengaruhi peranan Sungai Mas sebagai pelabuhan terawal. Jumpaan tembikar tanah yang banyak menunjukkan masyarakat pada ketika itu sudah berupaya untuk menghasilkan tembikar tanah mereka sendiri. Analisis terhadap jenis tanah liat juga mempengaruhi tanggapan ini di mana hasil analisis menjelaskan bahawa tanah liat yang digunakan untuk membuat tembikar tanah adalah berasal dari kawasan sekitar Lembah Bujang dan bukannya dari kawasan luar. Jumpaan tembikar tanah dalam bentuk serpihan dan hampir siap dalam jumlah yang besar membuktikan bahawa tembikar tanah menjadi barang dagangan penting pada ketika itu dan Sungai Mas sememangnya sebuah pusat penghasilan tembikar tanah tempatan yang utama semasa zaman kegemilangannya.

Kewujudan beribu-ribu manik kaca monokrom, manik kaca polikrom dan manik dari kawasan lain juga telah membuktikan bahawa Sungai Mas berfungsi sebagai pusat pengeluaran manik Indo-Pasifik. Jumpaan bahan mentah untuk membuat manik dan jumpaan manik pada lapisan kebudayaan pada abad ke-6 Masihi menguatkan lagi hujah ini. Analisis komposisi bahan iaitu bahan alkali dalam manik juga membuktikan manik yang dijumpai adalah manik keluaran tempatan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa manik kaca monokrom ini dihasilkan oleh masyarakat tempatan sendiri dan kuantiti manik yang terlalu besar menjadikan Sungai Mas sebagai pusat pengeluaran manik Indo-Pasifik.

Kajian terhadap bata purba pula berjaya membuktikan bahawa bahan mentah yang digunakan diperolehi daripada tanah liat yang terdapat di sekitar lembangan sungai di Lembah Bujang. Fizikal dan saiz bata yang pelbagai saiz dalam dua tahap pembinaan telah menunjukkan perkembangan dari segi teknologi pembuatan bata dan senibina candi. Penemuan blok-blok batu granit yang besar yang berasosiasi dengan candi di samping penemuan sebuah makara menunjukkan bahawa masyarakat pada ketika itu sudah mahir dalam teknologi pemotongan batu dan pengukiran batu. Ukiran motif haiwan-haiwan pada makara yang bersifat tempatan selain adanya kesilapan pada ukiran makara yang tidak mungkin dilakukan oleh pengukir dari India meningkatkan lagi hujah bahawa Sungai Mas

dibangunkan oleh masyarakat tempatan. Jumpaan satu-satunya makara di Lembah Bujang pada struktur tangga yang berasosiasi bersama pelapik tiang dan bendul pintu membuktikan candi ini adalah candi raja Kedah Tua dan menguatkan hujah bahawa Sungai Mas adalah pusat pemerintahan Kedah Tua pada abad ke-5 Masihi. Fungsi Sungai Mas sebagai pusat penghasilan tembikar tanah, jumpaan beribu-ribu seramik asing, pusat pengeluaran manik Indo-Pasifik dan jumpaan makara dengan peranannya sebagai candi raja telah membuktikan bahawa Sungai Mas merupakan pusat pelabuhan entrepot yang bermula sekitar abad ke-2 Masihi dan pusat pemerintahan Kedah Tua pada abad ke-5 Masihi. Hal ini telah menangkis tanggapan sesetengah sarjana yang masih menganggap bahawa Pengkalan Bujang adalah pelabuhan entrepot yang terawal di Kedah Tua.

## 16.0 Kesimpulan

Aspek peralihan budaya menjadi salah satu perkara penting bagi memahami dengan lebih jelas sejarah Kedah Tua dan perihal masyarakatnya. Sifat budaya yang dimiliki oleh masyarakat Kedah Tua ini tidak statik tetapi berlaku peralihan budaya yang dapat dilihat dari satu zaman ke zaman yang lain. Peralihan ini pula tidak berlaku secara tiba-tiba tetapi ianya mengambil masa yang agak lama dan perlahan-lahan menyerap kedalam budaya masyarakat tempatan di Kedah Tua. Salah satu faktor penting yang membolehkan peralihan budaya berlaku di Kedah adalah disebabkan oleh faktor perdagangan. Kedah Tua mempunyai pelabuhan yang disinggahi bukan sahaja oleh pedagang dari Alam Melayu tetapi juga dari luar Alam Melayu dan perkara ini menyebabkan berlakunya pertembungan antara budaya tempatan dengan budaya luar.

Aspek kepercayaan dan agama di Kedah Tua turut terkesan dengan peralihan budaya ini apabila masyarakat tempatan yang mengamalkan kepercayaan animisme berubah dan menerima agama Buddha dan Hindu untuk dianuti. Setelah kedatangan Islam didapati masyarakat Kedah kemudiannya menerima ajaran Islam dan mengamalkan agama ini dalam kehidupan mereka. Peralihan daripada kepercayaan animisme kepada Buddha-Hindu dan kemudiannya Islam turut memberi kesan terhadap aspek politik Kedah Tua. Semasa mengamalkan kepercayaan animisme, Kedah Tua merupakan sebuah politik (*chiefdom*). Ketua puak menduduki kedudukan tertinggi dalam hierarki politik Kedah Tua pada masa tersebut. Namun selepas menerima Buddha-Hindu sebagai agama mereka, sistem kerajaan seperti yang diamalkan di India mula digunapakai.

Kini raja menjadi ketua bagi negeri dan masyarakat Kedah Tua sesuai dengan peralihan budaya yang berlaku. Rekod-rekod bertulis dan penemuan arkeologi masih lagi belum mampu untuk merungkai struktur politik di Kedah Tua secara tepat, namun raja sebagai ketua negeri/kerajaan dapat dilihat dengan jelas terutamanya dalam rekod-rekod India. Inskripsi Telaga Batu yang ditemui di Palembang merekodkan perihal struktur politik di Srivijaya dan memberi sedikit gambaran kepada kita mengenai struktur politik di Kedah Tua. Selepas Islam diterima oleh pemerintah dan masyarakat Kedah dapat dilihat penggunaan istilah sultan terhadap ketua kerajaan mula digunapakai. Peralihan budaya yang berlaku sememangnya telah memberi kesan terhadap struktur politik dan sosial di Kedah Tua meskipun gambaran sebenarnya masih samar-samar akibat kekurangan rekod bertulis yang membincangkan perihal ini.

## Rujukan

- Allen, J. (1998). "History, archaeology, and the question of foreign control in early Historic-Period Peninsular Malaysia". *International Journal of Historical Archaeology* 2(4): 261-289.
- Anon. *Laporan Manik*. (1996). Kedah: Muzium Arkeologi Lembah Bujang.
- Anon. *Laporan Manik*. (1999). Kedah: Muzium Arkeologi Lembah Bujang.
- Berkson, I. B. (1969). *Theories of acculturation: A critical study*. New York: Arno Press.
- Bosch, F.D.K. (1930). "Verslag ban een reis door Sumatra", *O.V Bijlage*, c, hlm. 133-167.
- Bosch, F.D.K. (1961). *Selected studies in Indonesian archaeology*. The Hague: Martinus Nijhoff.

- Braddell, Roland. (1950). "A study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca", dlm. *JMBRAS*, Jld. XXIII (1): 1 – 36.
- Braddell, Roland. (1989) (edisi kedua). *A study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca and notes on ancient times in Malaya*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Coedès, G. (1968). *The Indianised states of South East Asia*. Honolulu: Hawaii.
- Farhana Abdullah. 2013. *Kepelbagaian Jenis Seramik di Tapak Arkeologi Sungai Mas, Kota Kuala Muda Kedah*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, D.G.E. (1955). *A history of South-East Asia*. London: Macmillan Limited.
- Hall, K.R. (1985). *Maritime trade and state development in early Southeast Asia*. Sydney: George Allen & Unwin.
- Hutauruk, M. (1988). *Pelarian yang tidak punya apa-apa menjadi Maharaja*. Jakarta: Penerbitan Erlangga.
- Jacq-Hergoualc'h, Michel. (1992). *La civilisation de ports-entrepôts du Sud Kedah (Malaysia) : Ve-XIVe siècle*. Paris: Editions L'Harmattan.
- Kamarudin Ab Razak. (1992). *Laporan Penyelidikan dan Galicari Arkeologi Candi Sungai Mas (Situs 32) Mukim Kota, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Unit Arkeologi, Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Kamarudin Ab Razak. (1993). *Laporan Penyelidikan dan Galicari Arkeologi Candi Sungai Mas (Situs 32) Mukim Kota, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Unit Arkeologi, Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Kamarudin Ab Razak. (1994). *Laporan Penyelidikan dan Galicari Arkeologi Candi Sungai Mas (Situs 32) Mukim Kota, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Unit Arkeologi, Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Kamarudin Zakaria. (2004). "Penyelidikan Arkeologi Sungai Mas, Kedah". *Jurnal Arkeologi Malaysia*, hlm 17.
- Leong Sau Heng. (1990). Collecting centres, feeder points and entrepots in the Malay Peninsula, 1000 B.C – A.D 1400. Dalam Khatirithamby, Wells, dan Villears, J. (eds). *The Southeast Asia Port and Polity, Rise and Demise*, hlm. 17-38, Singapura: Singapore University Press.
- Lamb, Alastair. (1961). Chandi Bukit Batu Pahat: Some additional notes. *Federated Museums Journal* 6: 1-9
- Majumdar, R. C. (1944). *Hindu Colonies in the Far East*. Calcutta: Firma K.L. Mukhopadhyay.
- Miksic, John. (1998). Wider contact in prehistoric times. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahmad (pnyt.). *The Encyclopedia of Malaysia: Early history*, hlm. 74-89. Singapore: Edition Didier Millet.
- Mohd Supian Sabtu. (2002). *Tamadun awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Termizi Hasni. (2016). *Tapak hunian masyarakat prasejarah dan protosejarah di sepanjang Lembangan Sungai Muda*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nasha Rodziadi Khaw. (2011). *Pensejarahan Kedah Tua: Satu Analisis Sosioekonomi*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd Yatim. (1992). *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia & Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2002). *Arkeologi pra Islam pesisir Selat Melaka evolusi atau migrasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2008). Archaeological Evidences of Early Settlements in the Malay Peninsula. *Proceedings of International Conference on Human Habitat and Environmental Change*, hlm. 15-22. Bangi: Institute of the Malay World and Civilization (ATMA), UKM & Environmental Management Society (EMS), Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2004). Peranan Sains dalam Penyelidikan Arkeologi Prasejarah. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Sains dan Teknologi Dalam Pemuliharaan Warisan Negara*, 16-19 Ogos, Melaka.
- Nilakanta Sastri. (1949). *South Indian Influences in the Far East*. Bombay: Hind Kitabs Ltd.
- Nilakantha Sastri, K. A. (1975). *The Colas*. Madras: The University of Madras.
- Nuratikah Abu Bakar & Zuliskandar Ramli. (2017). Penelitian Artifak, Fungsi Dan Jenis Batuan di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. Dlm. Zuliskandar Ramli, Muhlis Hadrawi, Akin Duli, Khalid Jusoh & Muhammad Shafiq Mohd Ali (pnyt.). *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-6 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (Jilid 1)*, 12-13 Ogos 2017, Johor Bahru, hlm. 125-136. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.

- Park, R. E. & Burgess, W. E. (1921). *Introduction to the Science of Sociology*. Chicago: University of Chicago Press.
- Projek Penyelidikan dan Ekskavasi Arkeologi Lembah Bujang, Kedah. 2008. Bangi: UKM Pakarunding.
- Quaritch-Wales, H. G. (1940). "Archaeological research on ancient Indian colonization in Malaya", dlm. *JMBRAS*, Jld. XX (1): 1 – 11.
- Quaritch-Wales, H. G. (1976). *The Malay Peninsula in Hindu Times*. London: Bernard Quaritch Ltd.
- Redfield, R., Linton, R., & Herskovits, M. J. (1936). "Memorandum for the study of acculturation". *American Anthropologist*, 38: 149-152.
- Sachithanatham, Singaravelu. (2010). "The importance of the recent archaeological evidence discovered in the site of Sungai Batu for the early history of Bujang Valley Civilisation", *Laporan, Tidak Diterbitkan*, hlm. 1-4, Tidak Diterbitkan.
- Soekmono, R. (1973). *Pengantar sejarah kebudayaan Indonesia II*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Soekmono, R. (1974). *Candi, fungsi dan pengertiannya*. Jakarta: Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi.
- Sullivan, Michael. (1958). "Excavation in Kedah and Province Wellesley", dlm. *JMBRAS*, Jld. XXXI (1): 188 – 219.
- Takakusu, J. (1896). *A record of Buddhist religion as practiced in India and Malay Archipelago*. Oxford: Claredon Press.
- Treloar, F. E. & Fabris, G. J. (1975). "Evidence of the contemporary existence of two Kedah sites", dlm. *JMBRAS*, Jld. XLVIII (1): 74-77.
- Van Leur, J. C. (1955). *Indonesian trade and society*. The Hague.
- Wheatley, Paul. (1961). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Wheatley, Paul. (1964). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Zuliskandar Ramli & Kamarudin Zakaria. (2008). Penemuan Manik di Lembah Bujang. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt.). *Lembah Bujang dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*, hlm. 219-240. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi (2008). Perdagangan di Nusantara. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt.). *Lembah Bujang dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*, hlm. 154-173. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu.
- Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Abdul Latif Samian. (2011). X-Ray Fluorescent analysis on Indo-Pacific glass beads from Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. *Journal of Radioanalytical and Nuclear Chemistry* 287(3): 741-747.
- Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Adnan Jusoh & Mohd Zobir Hussein. (2012). Compositional analysis on ancient bricks from Candi Sungai Mas (Site 32/34), Bujang Valley, Kedah. *American Journal of Applied Sciences* 9(2): 196-201.
- Zuliskandar Ramli. (2012). Proses akulturasi budaya India dan transformasi ilmu masyarakat Kedah Tua berdasarkan data arkeologi dan kajian saintifik. Tesis Ph. D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliskandar Ramli. (2012). *Zaman Protosejarah di Malaysia*. Bangi: ATMA UKM.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2012. *Zaman Proto Sejarah di Malaysia: Satu Pengenalan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zuliskandar Ramli dan Nik Adzrieman Abd Rahman. (2012). Kerajaan Kedah Tua: Pencapaian dalam Sains dan Teknologi pada Awal Abad Masihi Sehingga 14 Masihi. Dlm. Abdul Latif Samian, Nazri Muslim & Hamdzun Haron (pnyt.). *Sains & Teknologi di Alam Melayu*, hlm. 359-375. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Sharifah Nur Izzati Sayed Hasan, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Norlelawaty Haron & Hasnira Hassan. (2014). Sungai Mas, Kuala Selinsing dan Santubong: Pusat Pengeluaran Manik Kaca Indo-pasifik di Asia Tenggara pada Zaman Proto-sejarah. Dlm. Abdul Latif Samian & Nazri Muslim (pnyt.). *Isu-isu Sains & Teknologi di Alam Melayu*, hlm 370-391. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu.
- Zuliskandar Ramli. (2015). Akulturasi budaya dan transformasi ilmu masyarakat Melayu Kedah Tua. Dlm. Mohd Samsudin, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Zuliskandar Ramli (pnyt.). *Sejarah dan budaya di Alam Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zvelebil K. (1973). *The Smile of Murugan on the Tamil Literature of South India*. Leiden: E.J. Brill.
- Zvelebil, K. (1975). *Tamil Lite*